



● BIL 283 ● 11 - 17 OKTOBER 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my

BELANJAWAN 2025

HARAPAN Takyalat

**Membangun politik
anak muda**

➤➤ 5

**Satu dalam
sejuta**

➤➤ 9-11

**Kepengerusian
ASEAN 2025**

➤➤ 19

Belanjawan 2025

TINGKAT KESELESAAN RAKYAT

BELANJAWAN 2025 yang akan dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan di Dewan Rakyat pada 18 Oktober ini harus menumpukan bagaimana untuk meningkatkan lagi keselesaan hidup rakyat, kata ahli ekonomi.

Pengarah Institut Pembangunan dan Kemajuan Inklusif Malaysia, UKM (MINDA-UKM), **Profesor Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali** berkata beberapa masalah utama terutama ekonomi itu mesti akhirnya perlu sampai kepada rakyat.

"Saya rasa di Malaysia, kita tahu masalah

utama dan cabaran-cabaran utama untuk negara. Pembangunan ekonomi di rancangan Malaysia lima tahun atau Belanjawan ini semua tentang apa yang kerajaan nak buat. Contohnya Belanjawan tahun hadapan.

"Nak buat apa tahun depan. Saya rasa

beberapa masalah utama terutama ekonomi ini mesti akhirnya kena sampai kepada rakyat. Itu paling penting untuk memastikan rakyat dapat hidup dengan selesa," katanya. Wilayahku meninjau pandangan beberapa penjawat awam dan swasta. Ikuti apa kata mereka. 

"**SUDAH** semestinya kami menanti apakah insentif-insentif yang akan diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Belanjawan 2025 ini. Mungkin ada perkhbaran gembira berkenaan insentif pengurangan cukai individu

Diharapkan ia akan memberikan lebih manfaat bukan sahaja kepada penjawat awam tetapi juga kepada kakitangan swasta.

Selain daripada itu, saya mengharapkan kerajaan turut memberi tumpuan kepada pengamal media agar industri media di negara ini terus berkembang maju seiring peranan pentingnya dalam menjadi wadah penyampaian maklumat."



DILLA NAWAWI
Penjawat awam

"**SEBAGAI** penjawat awam, saya sangat bersyukur dan berterima kasih kepada kerajaan kerana mengumumkan berita gembira iaitu kenaikan gaji sebanyak 15 peratus (%) yang akan dilaksanakan pada Disember ini.

Diharapkan juga pihak kerajaan dapat mempertimbangkan cadangan bantuan elaun khas memandangkan ibu bapa akan berdepan dengan perbelanjaan yang tinggi untuk persekolahan anak pada Februari selain membuat persiapan menyambut bulan Ramadan dan Aidilfitri pada Mac."

HANNA NOORDIN
Penjawat awam

"**SEPERTI** kelompok etnik lain, kaum India memerlukan perhatian khusus untuk memastikan kesejahteraan mereka terjaga dan inklusif dalam pembangunan negara.

Berikut adalah beberapa perkara utama yang mungkin diharapkan oleh komuniti India di Malaysia antaranya dari segi peningkatan pendidikan, Pembangunan ekonomi dan usahawan, pekerjaan dan pembangunan karier, pemilikan rumah dan kemudahan asas, kesejahteraan sosial dan kesihatan serta pengiktirafan kebudayaan dan bahasa."



THARMARAJ SUNDAN
Penjawat awam

"**SAYA** berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana memberi perhatian kepada kebajikan

penjawat awam melalui Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang mana ia dapat mengurangkan beban sara hidup penjawat awam terutamanya kakitangan sokongan.

Diharapkan juga kerajaan dapat memberi perhatian khusus terhadap permohonan penjawat awam untuk mendapatkan kuarters bagi mereka yang tidak mampu membeli rumah. Ini kerana ramai yang terpaksa menunggu bertahun-tahun untuk mendapatkannya."

NORSUZIANA SHARIF
Penjawat awam

"**BAJET** kali ini perlu dikategorikan kepada dua bahagian iaitu melibatkan orang muda dan golongan veteran. Kalau orang muda pastikan pendidikan diutamakan, subsidi atau alternatif lain seperti pinjaman dengan bayaran balik lebih rendah dapat mengurangkan tanggungan pengajian.

Bantuan sara hidup pula sesuai buat orang lama khusus mereka tidak berpencen. Diharap Bajet 2025 ini lebih mesra rakyat yang membantu kerajaan dalam membangunkan negara ke arah lebih baik."

AHMAD TAJOL ARUS
Penjawat awam

"**KERAJAAN** Negeri perlu meneruskan bantuan diberikan sebelum ini kepada penduduk kampung khususnya.

Sekarang kita lihat ekonomi orang kampung sudah banyak menurun, jadi saya rasa bantuan sara hidup perlu disuarakan pada setiap kali pembentangan bajet. Fikirkan bagaimana untuk meningkatkan pendapatan penduduk khususnya orang-orang kampung."

SASHA KAMARUDIN
Kakitangan swasta

"**SALAH** satu jangkaan utama warga pendidik dalam Bajet 2025 adalah penambahbaikan pendidikan digital di bawah Dasar Pendidikan Digital Kementerian Pendidikan. Infrastruktur berkualiti adalah penting untuk pendidikan Malaysia.

Kami berharap inisiatif ini akan dilaksanakan di semua universiti, bukan hanya beberapa universiti terpilih. Perkata itu disokong oleh pembiayaan yang besar untuk



SAMASUDIN LAWE
Penjawat awam

"**BELANJAWAN** 2025 perlu memperuntukkan sumber yang mencukupi untuk meningkatkan tahap pendidikan dan latihan kemahiran bagi menyediakan tenaga kerja yang mampu memenuhi permintaan industri teknologi tinggi. Kerajaan perlu memperkenalkan program-program latihan kemahiran yang khusus dalam bidang seperti pengaturcaraan, kejuruteraan perisian, data sains dan automasi.

"Melalui inisiatif seperti Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), Belanjawan 2025 boleh menyokong pembinaan modal insan yang berkualiti dan berdaya saing sekali gus mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan graduan serta meningkatkan produktiviti tenaga kerja negara."

HAZWANI ROSAID
Penjawat awam

"**KERAJAAN** perlu memperuntukkan dana dan insentif khas untuk menarik pelabur asing dan tempatan ke dalam sektor-sektor ini. Pelaburan dalam teknologi tinggi juga penting untuk membantu Malaysia mencapai sasaran pembangunan yang mampan.

Sebagai contoh, pelaburan dalam tenaga boleh diperbaharui dapat mengurangkan pergantungan negara kepada sumber tenaga fosil dan memperbaiki kualiti alam sekitar, sementara pelaburan dalam automasi dan AI mampu meningkatkan produktiviti dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan."

SITI NURMIE
Kakitangan swasta

"**HARAPAN** saya untuk Bajet 2025 Kerajaan MADANI perlu menilai semula harga makanan yang dijual kerana ia semakin mahal meskipun berlaku penurunan harga bahan mentah. Mungkin pemberian subsidi bahan mentah boleh diberikan kepada peniaga supaya dapat mengurangkan harga makanan."

ADIBAH HASSAN NOORHADI
Penjawat awam



"**DIHARAPKAN** kerajaan dapat memberi fokus terhadap isu harga rumah yang semakin meningkat di mana mungkin kerajaan boleh mengadakan skim sewa beli atau wujudkan insentif lebih mudah dalam membantu pembeli rumah pertama khususnya.

Selain itu, fokus juga perlu diberikan terhadap pendidikan anak-anak dan diharapkan pembiayaan tambahan dapat diberikan kepada program-program latihan serta kemahiran manakala untuk pendidikan tinggi perlu adakan bantuan biasiswa atau pinjaman yang lebih mudah diakses oleh pelajar sendiri. Ia juga dapat membantu meningkatkan kualiti pendidikan di negara kita."

AFZA LIZA AHMAD SUHAIMI
Penjawat awam

"**SAYA** berharap dasar-dasar yang akan dibentangkan dapat memfokuskan kepada program pemulihan ekonomi yang menyokong sektor yang terjejas terutama kecil dan sederhana. Seterusnya, p e m b a n g u n a n infrastruktur yang seimbang antara luar bandar dan di bandar, sebagai contoh terdapat banyak infrastruktur kemudahan awam di luar bandar yang amat daif dan tidak boleh digunakan oleh masyarakat setempat.

Selain itu, pendekatan yang inklusif perlu diambil oleh kerajaan untuk memastikan Bajet yang dibentangkan dapat dirasai oleh semua lapisan masyarakat dan bukannya tertumpu kepada segelintir golongan sahaja. Besar harapan saya sebagai pekerja swasta untuk Bajet 2025 yang akan dibentangkan nanti kerana tekanan kos sara hidup yang kian meningkat."

MUHAMMAD FADHZLI DZIL IKRAM AHMAD SAMSURA
Kakitangan swasta

"**SAYA** sangat berharap Bajet 2025 nanti akan lebih memberi fokus terhadap gaji minimum mengikut sektor kerana terdapat juga beberapa kes yang sering dipertikaikan ramai di mana mereka yang bekerja dalam profesional namun gaji yang diperoleh sama seperti mereka yang tidak mempunyai pendidikan atau kemahiran.

RASIDA HANNAN ROSSLE
Kakitangan swasta



Belanjawan 2025

TANGANI KORUPSI

METRA SYAHRIL MOHAMED

BELANJAWAN 2025 yang bakal dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 18 Oktober ini perlu memberikan fokus dan komitmen berterusan dalam memerangi rasuah.

Perkara itu ditegaskan Felo Kanan Institut Hal Ehwal Antarabangsa Singapura, **Dr Oh Ei Sun** ketika diajak berbicara mengenai jangka panjang yang hendak dicapai dalam pembentangan belanjawan kali ini.

Beliau yang juga Felo Kanan Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam di Universiti Teknologi Nanyang (NTU) Singapura berkata, perkara itu penting bagi membina keyakinan pelabur terhadap Malaysia.

"Kerajaan Perpaduan Malaysia

juga perlu memberikan komitmen kepada reformasi struktur pentadbirannya.

"Ini adalah untuk jangka masa panjang supaya Malaysia terus mendapat keyakinan pelabur asing mahupun domestik," katanya kepada Wilayahku.

Beliau memberitahu, usaha memerangi rasuah walaupun tidak dianggap sebagai item belanjawan secara langsung, ia tetap penting untuk membina persekitaran yang bersih dan efisien terutama membentuk aktiviti perniagaan yang sihat.

"Oleh itu belanjawan boleh memperuntukkan lebih banyak dana untuk aktiviti Suruhanjaya

Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serta untuk kempen kesedaran awam menentang rasuah," tegasnya.

Penekanan kepada isu memerangi rasuah itu bertepatan dengan usaha meningkatkan skor dan kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) selaras penetapan sasaran kedudukan Malaysia di tangga ke-25 teratas dunia menjelang tempoh 10 tahun.

Di samping itu kata Ei Sun, kerajaan perlu memfokuskan kepada sektor-sektor yang menunjukkan pertumbuhan pesat termasuk sektor berteknologi tinggi.



EI SUN

Katanya, ini turut merangkumi pembangunan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan memudahkan sektor syarikat pemula (*start up*) memasuki pasaran.

Beliau berkata Belanjawan 2025 perlu memasukkan insentif untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang merupakan penyedia utama pekerjaan di negara ini.

Ia katanya, merupakan langkah jangka sederhana yang seharusnya diusahakan kerajaan bagi memperkasa PKS.

"Untuk jangka pendek, saya berpendapat belanjawan itu harus memberikan bantuan atau subsidi yang disasarkan kepada golongan berpendapatan rendah untuk menyokong kehidupan asas mereka," katanya. 

Wajah baharu Malaysia

WAJAH baharu Malaysia yang sedang dibina Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memerlukan semangat kebersamaan di semua pihak yang terlibat.

Pengarah Pusat Pengajian Perangsang Media dan Informasi, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM), **Profesor Madya Dr Suhaimee Saahar @ Saabar** berkata ia juga selaras dengan usaha pemulihan ekonomi berteraskan urus tadbir dan tatakelola baik.

Malah katanya kejayaan dan rekod positif yang dicapai kerajaan hari ini banyak disumbang oleh kematangan masyarakat yang inginkan kerajaan stabil dan kukuh.

"Sememangnya rakyat sedang menanti pembentangan Belanjawan 2025 yang bakal mengubah landskap ekonomi negara di bawah kerangka Ekonomi MADANI yang dilancarkan pada 27 Julai 2023.

"Ia bermatlamatkan menstruktur semula ekonomi Malaysia ke arah aktiviti yang mempunyai nilai tambah yang tinggi, bersifat kompetitif dan keutamaan memastikan negara dalam situasi ekonomi yang memberikan limpahan ekonomi dan melonjakkan kesejahteraan rakyat dalam pelbagai konteks pertumbuhan ekonomi," katanya.

Suhaimee berkata berdasarkan laporan ekonomi terkini, ekonomi negara mencatatkan pertumbuhan positif dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak

4.2 peratus (%) melebihi unjuran awal iaitu 3.9%.

Jumlah itu katanya memberikan keyakinan bahawa perancangan dan pelaksanaan perancangan ekonomi negara beranda pada landasan yang baharu walaupun senario politik global semakin mencabar.

"Hari ini kita berdepan dengan kos sara hidup, kuasa membeli rakyat Malaysia semakin pulih. Kadar inflasi yang menurun pada kadar 1.8% berbanding 3.2% pada tempoh sama tahun sebelumnya disumbang oleh beberapa faktor penting.

"Perkara itu merangkumi pemulihan sektor pelancongan, eksport meningkat dan pelaburan swasta yang semakin berkembang. Pemerhatian di lapangan juga menunjukkan kuasa membeli pengguna di pelbagai lapisan masyarakat dalam kategori ekonomi mereka tersendiri menunjukkan kadar pemulihan yang positif berbanding tahun sebelumnya," katanya.

Beliau menambah usaha kerajaan meletakkan negara sebagai salah satu destinasi pelaburan berdaya saing juga menjadi fokus utama dalam pembentangan Belanjawan 2025.

Katanya, beberapa sektor berimpak tinggi seperti pelaburan, industri berteknologi tinggi, inovasi digital terutama teknologi kecerdasan buatan, sektor automotif, pendidikan tinggi negara memerlukan penglibatan pelbagai pihak sama ada di peringkat agensi dan juga masyarakat.



SUHAIMEE



USAHA-USAHA memperbaiki kualiti dan kesejahteraan hidup rakyat sentiasa menjadi fokus utama Perdana Menteri.

Menurutnya hal demikian kerana limpahannya akan berlaku secara organik dalam satu keadaan ekonomi yang stabil dan kukuh.

"Aktiviti rangsangan daya saing dan inovasi ini perlu juga diterjemahkan kepada rakyat dalam bentuk yang mudah dan boleh dicapai serta dilaksanakan dengan konsep insaniah dan daya syukur yang menyeluruh.

"Usaha-usaha memperbaiki kualiti dan kesejahteraan hidup rakyat sentiasa menjadi fokus utama.

"Oleh itu, kebersamaan rakyat dan kerajaan dalam memastikan aspek kesejahteraan dan kualiti hidup ini perlu dijadikan nilai utama. Tiada yang akan

dipinggirkan dan peluang saksama setiap individu tanpa mengira latar belakang sosioekonomi, geografi dan ideologi politik," katanya.

Untuk itu katanya, ia telah dibuktikan oleh Perdana Menteri dalam memastikan tiada yang dipinggirkan dan penerimaan itu sedang direalisasikan dalam pelbagai bentuk dan inisiatif rakyat.

"Kita akan nantikan beberapa impak positif sedang dijelmakan dalam waktu-waktu terdekat walaupun berdepan dengan cabaran yang semakin mencabar, kita mampu mengharunginya dengan semangat Malaysia MADANI yang kini diterima oleh rakyat," katanya. 

Perkenal pencen warga emas

MENJELANG pembentangan Belanjawan 2025, kerajaan digesa memperkenalkan skim pencen warga emas memandangkan Malaysia menuju negara menua menjelang 2030.

Berdasarkan Data Banci Penduduk dan Perumahan 2020, peratus (%) penduduk Malaysia berusia 60 tahun dan ke atas meningkat daripada lapan peratus (dua juta) pada 2010 kepada 10.4% (3.4 juta) pada 2020.

Malaysia juga mencatatkan peningkatan jangka hayat kepada 75.6 tahun pada 2020 berbanding 63.6 tahun pada 1970.

Penganalisis ekonomi, **Datuk Dr Madeline Berma** berkata perkara itu penting kerana ramai warga emas bergantung kepada anak-anak untuk perbelanjaan harian termasuk kos perubatan.

"Ini (skim pencen warga emas) adalah untuk melindungi mereka kerana ramai bergantung kepada anak-anak.

"Malah ramai juga yang tidak mempunyai simpanan mencukupi menjelang hari tua," katanya.

Beliau berkata perkara itu 'diburukkan' lagi dengan kos kesihatan yang kian meningkat untuk perubatan warga emas.

Baru-baru ini bersempena Hari Warga Emas Sedunia, beberapa badan bukan kerajaan (NGO) menyerahkan satu memorandum kepada Pejabat Perdana Menteri menggesa kerajaan melaksanakan skim tersebut.

Ia khusus bagi mereka yang berusia 65 tahun ke atas yang tiada pencen kerajaan atau tidak mempunyai simpanan persaraan melebihi RM1 juta.

Madeline menambah, di sebalik memperkenalkan skim berkenaan, pada waktu ini, kerajaan perlu menangani kos sara hidup yang tinggi dengan meningkatkan upah minimum kepada RM2,000.

Katanya ia selari dengan upah minimum sektor awam yang dinaikkan melebihi RM2,000 bermula tahun ini seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Anwar ketika berucap sempena Sambutan Hari Pekerja 2024 mengakui jumlah pendapatan menyeluruh paling minimum yang diterima penjawat awam iaitu RM1,765 adalah tidak munasabah.

Dalam pada itu, Madeline turut mencadangkan kerajaan supaya meningkatkan atau memperhebat peruntukan kepada sektor Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) atau Sains Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) bagi menangani pengangguran anak muda yang kini 6.5%. 



MADELINE

Dituduh perkenal formula susahkan rakyat

TERUS PERBAIKI STRUKTUR EKONOMI

HANYA tinggal beberapa hari sahaja lagi Belanjawan 2025 akan dibentangkan di Dewan Rakyat namun sudah bermacam-macam tuduhan tidak berasas dan fitnah dilemparkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pihak yang tidak bertanggungjawab tersebut meremehkan usaha Anwar untuk memperbaiki tahap ekonomi negara menerusi belanjawan pada 18 Oktober ini.

Tuduhan tidak berasas itu antara lainnya menyifatkan beliau ingin terus membohongi rakyat dengan formula yang hanya akan menyusahkan rakyat.

Nampaknya ada pihak yang tidak puas hati dengan kejayaan Anwar yang semakin menunjukkan keberhasilan dalam memacu negara ke arah pertumbuhan ekonomi yang baik.

Malah seperti yang dipetik dalam ucapan beliau baru-baru ini, Anwar menegaskan impiannya mahu memperbaiki struktur ekonomi negara pada tahun depan dan seterusnya.

Ini kerana, menurut beliau lebih banyak pembaikan kepada struktur ekonomi akan diperkenalkan dalam Belanjawan 2025 untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat dapat dikongsi dengan rakyat secara saksama.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, Belanjawan 2025 adalah kesinambungan kepada ikhtiar kerajaan supaya Malaysia dapat menggapai wawasan kerangka Ekonomi MADANI.

“Yakni melonjakkan pertumbuhan



STRUKTUR ekonomi negara akan terus diperbaiki pada tahun depan dan seterusnya.

negara dan sekali gus menjunjung prinsip manusiawi untuk mengangkat darjat rakyat terbanyak,” katanya menerusi kenyataan di Facebook.

Katanya, beliau sudah menandatangani dokumen rasmi Belanjawan 2025 di Kementerian Kewangan (MoF) baru-baru ini.

“Saya mengucapkan penghargaan kepada semua tenaga kerja yang telah bertungkus-lumus untuk merangka Belanjawan 2025,” katanya.

Belanjawan 2025 dijadual dibentangkan Anwar di Dewan Rakyat pada 18 Oktober depan. Sidang Parlimen akan bermula pada Isnin depan dengan pembentangan beberapa usul oleh kerajaan termasuk bacaan kali pertama Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2025 dijadual pada Rabu.

Anwar sebelum ini berkata, isu inflasi dan kos sara hidup juga antara yang akan diberi penekanan dalam Belanjawan 2025 selain penyasaran subsidi. 

Martabat bahasa Melayu

BARU-BARU ini Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyatakan kerajaan bersetuju supaya ruang tambahan bagi latihan bahasa Cina dan Tamil diperbanyakkan di institusi perguruan, selain daripada Bahasa Kebangsaan.

Namun ada pihak yang sengaja mensensasikan isu tersebut sehingga menuduh beliau mahu mengorbankan bahasa ibunda kerana terhutang budi dengan bangsa lain.

Jangan cepat menuduh tanpa memahami. Apa yang dimaksudkan adalah supaya lebih banyak guru dalam mata pelajaran berkenaan dapat dilatih Kementerian Pendidikan (KPM) untuk dihantar ke sekolah jenis Tamil dan Cina.

Anwar tidak mengetepikan bahasa Melayu malah terus memartabatkannya sepertimana yang dijelaskannya dalam Majlis Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan 2024 di Pusat Konvensyen Ipoh, Perak, sebelum ini.

Beliau berkata pelbagai kaum di negara ini seharusnya melupakan pertelingkahan mengenai bahasa sebaliknya menguatkan iltizam dan mengambil satu pendirian serta komitmen untuk memperkasakan bahasa Melayu.

“Apabila ini dilakukan, kita akan lebih mudah memberi penumpuan kepada pemeraksanaan bahasa Inggeris, Cina, Tamil dan lain-lain,” katanya.

Beliau berkata pemeraksanaan ekonomi sesebuah negara juga perlu seiring dengan pemeraksanaan budaya dan tamadun termasuk bahasa, seni dan sastera.

Katanya Kerajaan MADANI di bawah pimpinannya akan terus komited dalam usaha memartabatkan Bahasa Melayu tanpa meminggir bahasa-bahasa lain.

“Dikatakan Kerajaan MADANI meminggirkan bahasa (Melayu), tetapi di mana sebenarnya peminggiran itu? Tumpuan kita berikan kepada DBP (Dewan Bahasa dan Pustaka) dan pendidikan, ketimbang tahun-tahun sebelumnya, jelas sekarang peruntukan dan ruang lebih diberikan,” katanya. 

Anwar kritik hipokrasi Barat

METRA SYAHRIL MOHAMED

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menggunakan peluang ketika ditemu bual pengulas politik berpangkalan di Amerika Syarikat (AS), Mehdi Hasan untuk mengkritik sekeras-kerasnya dan menghentam hipokrasi Barat dalam konflik Gaza.

Bercakap dalam program Mehdi Unfiltered di portal Zeteo, Anwar memberitahu Mehdi yang juga Pengasas, Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pengarang Zeteo bahawa negara-negara Barat sekadar membiarkan apa berlaku di Gaza.

Anwar turut menghentam AS yang dilihat tidak berpendirian mengenai konflik berkenaan.

“Mereka (AS) ini menyokong gencatan senjata tetapi pada masa sama, menghantar senjata (kepada Israel). Inilah hipokrasi pentadbiran AS,” tegas beliau.

Menurut Anwar, biarpun Malaysia sebuah negara kecil



TANGKAP layar dari laman web Zeteo ketika Mehdi Hasan menemu bual Anwar Ibrahim secara eksklusif di Kuala Lumpur.

tetapi negara ini memainkan peranan signifikan menyuarakan keadilan terhadap Palestin.

Malah katanya, Malaysia mengambil langkah berani

dengan tidak membenarkan kapal Israel berlabuh di mana-mana pelabuhan di negara ini.

“Ya Malaysia ini negara kecil tetapi ia (menuntut keadilan

terhadap Palestin) adalah suara hati nurani dan saya mewakili sebahagian besar rakyat Malaysia,” katanya.

Dalam temu bual eksklusif itu, Anwar turut diajak bercakap mengenai kritikan antarabangsa terhadapnya selepas mengadakan lawatan dengan pemimpin Hamas, Ismail Haniyeh pada Mei lalu, sebelum kematian pemimpin tersebut.

Tegas Anwar, Hamas mewakili sebahagian penduduk Palestin dan biarpun tidak semua rakyat Palestin menyokong Hamas, mereka masih sebahagian daripada komuniti Palestin.

“Kita tidak boleh melabel mangsa dan rakyat yang dijajah, yang memilih untuk melawan penjajah mereka sebagai pengganas,” katanya.

Terdahulu, Mehdi yang berada di Malaysia sempena Persidangan dan Pameran Modal Insan Kebangsaan (NHCCE) memuji

Anwar terhadap kelantangannya dalam isu membabitkan konflik di Gaza.

Mehdi berkata dunia memerlukan lebih ramai pemimpin seperti Anwar yang telah mengambil pendirian berani dalam memperjuangkan nilai-nilai universal.

Katanya, pendirian Perdana Menteri jelas terserlah terutamanya semasa lawatan beliau ke Jerman pada Mac lalu di mana beliau bertemu dengan Canselor Olaf Scholz.

Dalam pertemuan itu, Malaysia dan Jerman telah menyeru untuk gencatan senjata kekal di Gaza dan pembebasan semua tebusan.

Mehdi memuji kesediaan Anwar untuk bersuara dalam mempertahankan Palestin di hadapan Schulz.

“Saya mengagumi beliau yang telah berdiri dan bersuara dengan lantang mengenai apa yang berlaku di Gaza,” katanya. 

MEMBANGUN POLITIK ANAK MUDA

BERUSIA 28 tahun, Ahli Parlimen Sungai Petani, **DR MOHAMMED TAUFIQ JOHARI** membarisi 'watak-watak' anak muda yang diangkat parti untuk bergelar wakil rakyat.

Dahulunya kerusi Parlimen tersebut diwakili bapanya, Tan Sri Johari Abdul selama tiga penggal. Biarpun kelibat bapanya tidak lagi muncul di pentas-pentas politik, namun kedua-dua mereka kini 'bersatu' di Parlimen apabila Johari dilantik sebagai Yang Dipertua Dewan Rakyat ke-11.

Dalam Pilihan Raya Umum Ke-15 pada 19 November 2022, Dr Mohammed Taufiq atau mesra dipanggil YB Taufiq satu-satunya calon Pakatan Harapan (kini berada dalam Kerajaan Perpaduan) yang memenangi kerusi Parlimen di Kedah, menyaksikan negeri itu kini kubu kuat pembangkang.

Kepada wartawan Wilayahku, **METRA SYAHRIL MOHAMED**, beliau berkongsi visinya selaku pemimpin muda mendepani masa depan khususnya pilihan raya umum akan datang.

YB berkhidmat di kerusi Parlimen Sungai Petani yang pernah disandang oleh bapa, Tan Sri Johari Abdul. Bagaimana YB melihat penerimaan rakyat terhadap YB jika dibandingkan ketika diwakili oleh bapa sebelum ini?

Terdapat sedikit perbezaan ketika kerusi Parlimen Sungai Petani ini disandang oleh Tan Sri (Johari). Perbezaan yang ketara ialah dari segi komposisi umur penduduk. Perkara ini dapat dilihat setelah kita memperkenalkan Undi 18 dan sekarang ini, ramai anak muda menjadi pengundi di Sungai Petani. Justeru pendekatan yang saya gunakan agak berbeza jika dibandingkan dengan era sebelum Undi 18.

Saya banyak membuat program menyantuni anak muda tanpa meminggirkan golongan lebih tua. Jika dilihat dari segi penerimaan, sebenarnya tidaklah menunjukkan perbezaan besar, cuma penerimaan rakyat melibatkan harapan mereka untuk menerima pembaharuan atau sesuatu lebih baik berbanding apa yang dicapai oleh bapa saya selaku bekas Ahli Parlimen Sungai Petani.

Rakyat meletakkan harapan dan jangkaan tinggi kerana saya merupakan Ahli Parlimen yang muda. Oleh itu penerimaan rakyat menunjukkan keterujaan mereka tentang perubahan yang boleh dibawa dan dilaksanakan anak muda di Parlimen, apatah lagi sebagai Ahli Parlimen kerajaan.

YB merupakan satu-satunya calon Pakatan Harapan (kini berada dalam Kerajaan Perpaduan) yang memenangi kerusi Parlimen di Kedah. Sebagai pemimpin muda, apa usaha YB untuk mengembalikan kepercayaan pengundi menyokong Pakatan Harapan atau Kerajaan Perpaduan?

Komposisi Parlimen Sungai Petani menggambarkan Malaysia yang sebenar. Hal ini kerana Sungai Petani mempunyai 60 peratus masyarakat Melayu, 20 peratus (Cina), 15 peratus (India) dan lima peratus etnik lain termasuk Siam. Saya menyantuni setiap masyarakat di Sungai Petani dan perjuangkan konsep perpaduan serta Malaysia MADANI itu sendiri.

Saya ingin melihat sebuah masyarakat MADANI di Sungai

Petani. Ini bermakna sebuah masyarakat yang bertamadun, mampu hidup dengan harmoni tanpa sebarang perpecahan serta meraikan kepelbagaian dari segi kaum dan budaya. Untuk mengembalikan kepercayaan pengundi, kita perlu meningkatkan kualiti hidup penduduk.

Ia meliputi aspek ekonomi terutamanya untuk anak muda. Parlimen Sungai Petani banyak membuat hab dan tempat berniaga khas untuk anak muda. Kami menghidupkan semula lorong-lorong gelap dengan memasang lampu dan melukis mural yang sesuai dengan jiwa anak muda. Ruang-ruang ini diberikan kepada mereka untuk dijadikan tempat berniaga.

Seterusnya kualiti pendidikan. Kami banyak memberi sumbangan dan bantuan daripada peruntukan khas yang diberi Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Pelbagai kerja pembinaan dan penambahbaikan infrastruktur sekolah telah dibuat. Selain itu, keharmonian dalam masyarakat menyumbang kepada kualiti hidup penduduk.

Saya menyantuni setiap lapisan masyarakat yang ada di Sungai Petani dan memperkenalkan dasar-dasar kerajaan. Saya juga memberi fokus kepada penyelesaian isu kesesakan lalu lintas memandangkan kawasan ini giat membangun dan menjadi hab perniagaan golongan muda.

Kedah kini menjadi kubu kuat pembangkang. Mampukah parti-parti dalam Kerajaan Perpaduan merampas kembali sokongan rakyat? Bagaimana?

Memang betul ada yang beranggapan Kedah merupakan kubu kuat Perikatan Nasional (PN). Namun realitinya adalah rakyat Kedah semakin hari semakin tertanya-tanya apakah faedah yang dibawa kerajaan PN? Adakah dengan menjual sentimen agama dan perkauman semata-mata dapat menstabilkan ekonomi dan mempertingkatkan kualiti hidup rakyat?

Ini merupakan persoalan penting dan saya melihat kerajaan PN tidak mampu memberikan yang terbaik kepada rakyat Kedah. Lihat isu



MOHAMMED TAUFIQ JOHARI menyantuni rakyat di kawasan Parlimen Sungai Petani yang dahulunya diwakili oleh bapanya, Tan Sri Johari Abdul selama tiga penggal.

air dan banjir yang seperti tiada penghujungnya. Terdapat isu pembayaran gaji kepada syarikat-syarikat negeri yang terbantut, yang sememangnya mendatangkan kesusahan kepada rakyat.

Untuk menjawab pertanyaan sama ada kubu PN di Kedah mampu dirobohkan, saya percaya dan yakin dengan syarat pemimpin Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN) perlu memberikan kepimpinan dan pentadbiran alternatif yang lebih baik termasuk pelan-pelan ekonomi.

Kedah merupakan negeri dinamik dari segi pemilihan kerajaan. Dahulu rakyat memilih BN dan kemudiannya bertukar kepada PAS. Selepas itu kembali kepada BN dan sekarang PAS. Jadi tidak mustahil untuk rakyat Kedah memilih kerajaan negeri yang baru.

Menjelang Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16), wajarkah muka-muka lama PH khususnya yang tewas dalam PRU15, dikekalkan?

Muka-muka senior PH yang berada di Kedah mempunyai kelebihan dan kredibiliti tersendiri. Mereka kalah mungkin kerana sentimen dan bukannya kerana kemampuan mereka. Wajar untuk ahli-ahli politik lama ini meneruskan perjuangan mereka. Pada masa sama kita tidak boleh menolak kepentingan memberi peluang dan ruang kepada pemimpin baru terutama golongan muda lebih bertenaga dan mempunyai idea-idea baru untuk diketengahkan.

Seorang Ahli Parlimen pembangkang pernah menggelar YB sebagai 'anak papa' ketika YB mengemukakan usul isu penyorokan 180 tan beras di Dewan Rakyat. Boleh YB perelaskan isu tersebut?

Walaupun bapa saya merupakan Yang Dipertua Dewan Rakyat, namun apabila berada di dalam Dewan Rakyat, saya menghiraukan pertalian kekeluargaan tersebut.

Sebaliknya saya memilih bersifat profesional. Saya berharap Ahli Parlimen lain memandang kerjaya kita sebagai kerjaya profesional.

Bagi saya tindakan Ahli Parlimen yang cuba mengaitkan suatu keputusan itu sebagai keputusan berat sebelah adalah tindakan yang tidak profesional, apatah lagi apabila tindakan tersebut dibuat Ahli Parlimen yang sudah memegang kerusi tersebut untuk beberapa penggal.

Saya perlu mengingatkan keputusan mengemukakan usul tersebut merupakan keputusan Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Ramli Mohd Nor, bukannya keputusan Yang Dipertua Dewan Rakyat. Ini bagi mengelakkan konflik kepentingan yang merupakan satu tindakan amat profesional.

Bercakap mengenai pentadbiran negeri Kedah. Memuaskan? Atau nama-nama besar yang kononnya diangkat menjadi calon pada Pilihan Raya Negeri (PRN) bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah oleh PN hanya gah semasa berkempen?

Kualiti pemimpin yang ada di Kedah masih perlu dipertingkatkan. Kita boleh lihat cara isu air dan banjir ditangani di Kedah, yang mana masih banyak lagi kawasan menghadapi isu sebegini. Hal ini perlu dinilai semula oleh rakyat supaya mereka memilih pemimpin lebih berkualiti dan mampu memberi khidmat yang terbaik untuk rakyat.

Apakah isu-isu yang sehingga kini gagal ditangani dengan baik oleh kerajaan negeri Kedah?

Isu utama adalah isu air yang semakin lama semakin menjadi mimpi ngeri yang membelenggu rakyat khususnya ketika musim perayaan dan cuti persekolahan yang melibatkan anak perantauan pulang ke kampung. Saya sering mendapat aduan tentang isu air ini yang seperti tiada

penghujungnya. Selain itu, isu berkaitan dengan kelestarian alam seperti pembalakan dan banjir juga merupakan isu hangat di negeri ini.

Untuk PRU16, YB akan bertanding DUN? Mungkin boleh diangkat sebagai calon Menteri Besar dalam kalangan anak muda?

Saya menyerahkan keputusan kepada kepimpinan tertinggi PKR untuk menentukan siapa yang seharusnya menjadi calon termasuk hala tuju parti serta gabungan yang akan menyertai parti kami.

Jangkaan parti-parti dalam Kerajaan Perpaduan meneruskan momentum kerjasama menjangkau PRU16?

Jika dilihat momentum pada masa ini, wajar untuk kita perkukuh gabungan dan kerjasama antara PH dan BN kerana setiap gabungan mempunyai kelebihan masing-masing. Namun apa yang lebih penting adalah gabungan ini wujud demi kebaikan dan kepentingan rakyat secara keseluruhannya.

PRU16 pastinya jalan sukar bagi Kerajaan Perpaduan untuk pembahagian kerusi. Apakah pembahagian itu perlu dilakukan dari sekarang? Apa penyelesaian terbaik bagi mengelak berlakunya saling memboikot antara satu sama lain?

Satu titik temu adalah penting dalam apa jua perbincangan dan persetujuan yang diadakan. Saya percaya bahawa kebijaksanaan yang ada pada kepimpinan utama parti gabungan pada hari ini akan membantu mencapai satu kata putus yang terbaik untuk rakyat. Selain itu, kerjasama ini perlu dimulakan dari sekarang supaya kesefahaman antara setiap parti dalam gabungan sudah tercapai menjelang PRU16. Hal ini akan membantu mewujudkan suasana kerjasama yang harmoni semasa PRU yang akan datang. 



Konsert Senandung Abadi PENGHORMATAN BUAT LEGENDA

DEEL ANJER

ORKESTRA Kuala Lumpur mengajak orang ramai mengenang nostalgia dengan menganjurkan Konsert Senandung Abadi *tribute* khas buat bintang legenda Allahyarham Tan Sri SM Salim dan Datuk Sharifah Aini di Auditorium Panggung Bandaraya, Kuala Lumpur pada 19 Oktober ini.

Konsert anjuran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ini merupakan salah satu cara dalam memberikan penghormatan kepada ikon muzik kesayangan Malaysia dari dahulu sehingga ke hari ini. Menurut Ketua Orkestra Kuala Lumpur DBKL, **Isabella Pek**, lagu-lagu nyanyian dua insan seni ini malar segar dan melekat di ingatan sehingga ke hari ini.

"SM Salim dan Sharifah Aini merupakan tokoh lagu-lagu Malaysia dan sumbangan mereka kepada industri muzik tanah air terlalu besar sama ada dari segi terbitan album, lagu dan sebagainya.

"Lagu-lagu nyanyian mereka merentas zaman

malah sentiasa menjadi pilihan untuk dinyanyikan atau dipersembahkan semula. Ini sekali gus membuktikan lagu-lagu tersebut dapat diterima



ISABELLA

sepanjang zaman termasuk anak-anak muda. Inilah keunikan dua insan hebat ini," katanya.

SM Salim dan Sharifah Aini bukan sahaja terkenal menerusi muzik yang melangkaui genre, bangsa dan usia, malah kemampuannya ketika membuat persembahan menonjolkan sisi versatil seorang penghibur.

Dalam konsert istimewa kali ini, Orkestra Kuala Lumpur bakal mempersembahkan program pelbagai tema dan genre.

Menyedari karya-karya bintang legenda ini yang sentiasa dirindui, DBKL akan 'menghidangkan' persembahan yang dibawa nanti dengan keunikan tersendiri.

"Orang ramai yang hadir ke konsert ini boleh mengambil peluang 'melepaskan rindu' dan

terus mengenang jasa mereka. Semasa konsert nanti kami turut paparkan video daripada komposer hebat iaitu Tan Sri Datuk Seri Dr Ahmad Nawab yang banyak mencipta lagu buat dua insan seni ini. Tak lupa juga kata-kata daripada isteri SM Salim yang akan ditayangkan pada hari tersebut.

"Istimewanya lagi, dalam konsert ini nanti, kami berikan nafas baharu dari segi susunan muzik yang akan dimainkan oleh Orkestra Kuala Lumpur.

"Untuk mengembalikan nostalgia tentang dua insan hebat ini, kami turut menganjurkan pameran seperti foto-foto kenangan, koleksi album dan sebagainya di lobi auditorium sebelum bermulanya konsert.

"Biasanya apabila buat *tribute*, kita bukan sahaja mengenang masa silam, kita harus kaitkan dengan masa sekarang ini. Banyak lagu mereka menjadi warisan buat generasi hari ini.

"Konsert ini bukan sekadar hari ini dalam sejarah, tetapi kita harus ketengahkan apa signifikan lagu-lagu mereka pada hari ini. Itulah yang kami akan terus bawa," ujarnya. 

Pindah halangan

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menerusi Jabatan Penguatkuasaan dan Pejabat Cawangan Bukit Bintang menjalankan operasi pindah halangan terhadap premis yang menyebabkan halangan di laluan awam serta tindakan kompaun penaja tanpa lesen di sekitar Chow Kit, Jalan Leboh Pasar, Jalan Dewan Sultan Sulaiman dan Jalan Sultan Azlan Shah, Jalan Ipoh.

"Melalui tindakan khas yang dijalankan, DBKL melaksanakan 12 kes sitaan di bawah peruntukan Seksyen 46(1)(d) Akta Jalan Parit Bangunan 1974.

"Antara barangan yang disita adalah kanopi, *stall stainless steel*, kerusi, meja plastik dan lain-lain peralatan. Manakala enam notis kompaun telah dikeluarkan di bawah UUK 3 (1) Undang-Undang Kecil Pelesenan Penaja (WPKL) 2016," ujarnya.

Tambahnya barangan dan peralatan yang disita, dihantar ke Stor Sitaan



SEKITAR operasi yang dijalankan baru-baru ini.

DBKL Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras untuk dokumentasi dan tindakan selanjutnya.

"Tindakan dan pemantauan berterusan akan dijalankan menerusi siri-siri tindakan khas di 11 parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur," ujarnya.

Dalam perkembangan lain, DBKL turut mengingatkan orang ramai untuk tidak mencetuskan situasi panik dengan menyebarkan kandungan yang tidak bertanggungjawab.

Ia berikutan isu tular di media sosial TikTok yang memaparkan penutup simen di Jalan Masjid India terangkat berulang kali hingga mencetuskan kebimbangan orang awam dan pengunjung di lokasi berhampiran pada 4 Oktober lalu.

DBKL yang tampil menjawab isu tular tersebut berkata penutup lurang atau *manhole* telah hilang berkemungkinan disebabkan isu vandalisme sehingga menyebabkan penutup simen atas terangkat. 



PEMBERITAHUAN

PERKHIDMATAN AGENSI KUTIPAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

16 Julai 2024 - 15 Julai 2025

ZURISH RESOURCES SDN BHD	RIDZLAN & PARTNERS SDN BHD	MAZARYN & PARTNERS SDN BHD
No.9, Tingkat 1, Jalan Mutiara Subang 1, Taman Mutiara Subang, 47500 Subang Jaya, Selangor.	D-3-23A Putra Majestik, Lot 29 Jalan Kasipillay, Off Jalan Sultan Azlan Shah, 51200 Kuala Lumpur.	70-2, Second Floor, Jalan Wangsa Delima 6, Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC) 53300 Kuala Lumpur

Elak tertipu pekej murah tunai umrah

SEBANYAK 60 syarikat akan mengambil bahagian pada Umrah & Muslim Travel Fair anjuran Persatuan Agensi Pelancongan Umrah & Haji Malaysia (PAPUH) pada 25 hingga 27 Oktober 2024.

Naib Presiden PAPUH, **Muhammad Mursyid Abu Hassan** berkata sebelum ini pihaknya telah menerima banyak rungutan daripada ahli memandangkan ramai jemaah yang tertipu dengan pakej-pakej murah yang banyak diiklankan di laman media sosial.



MURSYID

“Mereka tertipu disebabkan terpengaruh dengan pakej yang ditawarkan dengan harga murah dan akhirnya tidak dapat terbang. Setelah diselidik baru mereka tersedar yang mereka membeli pakej daripada agensi yang tidak berlesen.

“Atas permintaan ahli PAPUH sendiri, kita bersetuju untuk menganjurkan Umrah & Muslim Travel Fair by PAPUH yang mana hanya agensi-agensi yang mempunyai lesen penuh (seperti *Inbound, Outbound, Ticketing* dan Umrah) sahaja dibenarkan untuk mengambil

bahagian,” katanya dalam satu kenyataan.

Muhammad Mursyid berkata PAPUH turut bekerjasama dengan syarikat penerbangan Saudia (Saudia Airlines) bagi menjayakan lagi acara ini.

“Jadi, kami ingin mengajak semua rakyat Malaysia yang ingin melancong untuk datang ke Umrah & Muslim Travel Fair by PAPUH ini untuk mendapatkan pakej-pakej umrah, pelancongan mesra Muslim ke serata dunia, pas-pas masuk ke taman tema, tiket penerbangan serta tidak ketinggalan pakej-pakej percutian dalam negara dengan harga yang sangat menakjubkan.

“Kita juga menyediakan hadiah cabutan bertuah kepada pelanggan yang membuat tempahan semasa acara ini di mana hadiah utamanya adalah baucar umrah atau pelancongan bernilai RM2,000, 25 baucar umrah atau pelancongan bernilai RM500 dan 20 set Ihram,” ujarnya.

Tambahnya antara agensi yang akan terlibat sepanjang program adalah RMS Travel & Tours Sdn Bhd; Madini Travel & Tours Sdn Bhd; PDC Travel Sdn Bhd; Barakah Umrah Travel & Tours Sdn Bhd dan banyak lagi.

Dalam pada itu, Muhammad Mursyid mengajak orang ramai

untuk memeriahkan lagi majlis serta dapatkan pakej dengan harga promosi.

“Kepada mereka yang mempunyai perancangan untuk mengerjakan umrah atau bercuti pada hujung tahun ini, kami sangat mengalu-alukan kehadiran anda. Jangan lepaskan peluang untuk mendapatkan pelbagai pakej percutian Muslim dengan harga istimewa yang ditawarkan oleh agensi-agensi pelancongan berlesen,” ujarnya.

Umrah & Muslim Travel Fair by PAPUH akan diadakan pada 25 hingga 27 Oktober ini bertempat di Hotel Grand Barakah, Ampang.



ABDUL BASIR (dua kanan) menyampaikan sijil penyertaan kepada wakil peserta.

Kem Pembinaan Karakter Generasi MADANI BENTUK PERILAKU POSITIF PELAJAR

DIANA AMIR

KIRA-KIRA 80 pelajar tingkatan empat dari sembilan buah Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) menghadiri Program Kem Pembinaan Karakter Generasi MADANI yang diadakan di Photon Valley Eco Resort, Hulu Langat, Selangor selama tiga hari dua malam pada 4 hingga 6 Oktober 2024.

Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif merangkap Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), **Dr Abdul Basir V. Kunhimohamed** berkata ia bertujuan untuk membentuk karakter positif dalam kalangan pelajar melalui pembelajaran interaktif, diskusi dan kegiatan luar ruangan.

“YWP sentiasa mengambil berat nasib golongan kurang berkemampuan dalam memenuhi hasrat pembangunan modal insan khususnya warga pelajar Wilayah Persekutuan (WP) yang merupakan cerminan kepada imej

rakyat Malaysia di mata dunia.

“Di era globalisasi, penting bagi generasi muda untuk memiliki nilai-nilai moral dari segi akhlak yang baik, adab yang mulia serta disiplin dalam kehidupan,” ujar beliau.

Mengulas lanjut, Abdul Basir berkata antara impak yang diperoleh menerusi program adalah dapat mendorong pelajar untuk memahami pentingnya nilai-nilai karakter murni dalam kehidupan.

“Selain itu, meningkatkan keterampilan komunikasi, kerjasama, disiplin serta mengajak pelajar untuk berinteraksi dengan berkesan melalui nilai-nilai murni dalam masyarakat.

“Kita berusaha untuk membawa kegembiraan kepada anak-anak ini, supaya mereka terus berusaha mencapai kecemerlangan. Harapan kita agar tiada lagi pelajar yang mengalami tekanan sehingga mendorong mereka bertindak di luar jangkaan.

“Diharapkan juga dapat melahirkan pelajar yang tidak hanya cemerlang akademik, tetapi juga memiliki karakter yang kukuh dan mampu memberikan sumbangan positif kepada masyarakat,” ujarnya.

Beliau berkata perbelanjaan keseluruhan meliputi kos logistik, sewa lokasi, pembayaran fasilitator serta penyediaan bahan maklumat dan promosi bagi menguruskan program tersebut adalah sebanyak RM33,000 daripada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Dalam pada itu, sembilan lagi program motivasi yang sama sedang dirancang oleh YWP bagi memenuhi keperluan mendidik anak-anak di 54 PPR/PA yang lain di Kuala Lumpur.

Hadir sama Penolong Pegawai Tadbir, Jabatan Pembangunan Komuniti & Kesejahteraan Bandar DBKL, Mohd Naim dan Pengarah Pusat Bimbingan Wirajaya, Abdul Malek Abdul Halim.

Karya agung di Pustaka Raja Tun Uda

PAMERAN Karya Agung Sastera Shahnameh Ferdowsi dan tayangan seni dari Tajikistan yang kini diadakan di Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam bermula pada 7 hingga 17 Oktober 2024 memberi peluang kepada pengunjung mengenali karya agung, sejarah dan budaya negara luar dengan lebih dekat.

Exco Belia, Sukan dan Keusahawanan Selangor, **Mohd Najwan Halimi** yakin ramai yang tidak pernah mendengar tentang Tajikistan sebelum ini namun atas kerjasama yang terjalin maka orang ramai dapat melihat keunikan negara tersebut.

“Karya Ferdowsi juga menjadi tiang di mana tradisi sastera dibina, dipelihara dengan identiti budaya mereka yang bertutur dalam bahasa Parsi,” katanya.

Beliau berucap ketika merasmikan pameran yang turut dihadiri Duta Besar Republik Tajikistan ke Malaysia, Ardasher Saeed Jaafar Qodiri serta Pengerusi Institut Pemikiran Islam Lanjutan Antarabangsa (IAIS) Malaysia, Dr Maszlee Malik.

Tambah beliau, program anjuran Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) dengan kerjasama IAIS dan Kedutaan Tajikistan di Malaysia itu

juga sebagai penghormatan kepada penyair serta pemikir terlung, Abdul Qosim Ferdowsi yang popular dengan karya Shahnameh.

“Kami berkumpul di sini untuk memberi penghormatan kepada salah seorang penyair terhebat dan pemikir terkenal global di mana karya agungnya yang abadi, epik Shahnameh, selama-lamanya telah mengubah sejarah dan budaya masyarakat berbahasa Parsi serta sangat mempengaruhi kesusasteraan dunia, seni juga pemikiran, memastikan nama Ferdowsi tempat yang kekal dalam kalangan minda terbesar dalam sejarah,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata pameran ini juga akan menayangkan filem berkisar peperangan dan kekeluargaan bertajuk Rustam and Suhrab serta dua dokumentari berjudul Ferdowsi dan Shahnameh: A Literary Masterpiece sepanjang penganjuran berlangsung.

Terdahulu, majlis perasmian turut dihadiri tetamu terhormat, Yang Amat Mulia Tengku Laksamana Selangor, Yang Amat Mulia Tengku Sulaiman Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj.



NAJWAN (tengah) merasmikan Pameran Karya Agung Sastera Shahnameh Ferdowsi dan tayangan seni dari Tajikistan pada Isnin.

SEKILAS PERIHAI MEDIA SOSIAL



KU SEMAN KU HUSSAIN

ANTARA pemandangan indah waktu pagi di Kuala Lumpur suatu waktu dulu adalah melihat naskhah surat khabar bergantung di gerai dan kedai runcit di tepi jalan yang sibuk dengan orang lalu-lalang menuju ke tempat kerja. Tajuk muka depan boleh dilihat dari jauh. Begitulah cara 'menjual' surat khabar pada zaman gemilangnya dekad 1980-an dan 1990-an.

Pemandangan begitu boleh dilihat di Jalan Lebu Ampang, Jalan Lebu Pasar, Jalan Raja Alang malah di sekitar Jalan Tuanku Abdul Rahman. Apabila meletus sesuatu peristiwa penting, esoknya sejak pagi lagi surat khabarlah yang dicari kerana memuatkan laporan yang lebih lengkap.

Ada yang terus membaca sementara menunggu bas mini. Tidak kurang juga yang membaca ketika bersarapan di warung. Surat khabar dan teh tarik menjadi pasangan sejoli yang sukar dipisahkan. Kalau bersebang pun sekitar isu yang disiarkan dalam surat khabar.

Bagaimanapun semua itu hanya cebis-cebis ingatan manis zaman kegemilangan surat khabar. Zaman itu sudah berlalu apabila teknologi digital merempuh dan surat khabar hilang upaya untuk bertahan. Maka menyerahlah pada keadaan yang lebih cenderung pada digital dan telefon pintar menjadi peranti menggantikan surat khabar.

Rempuhan digital itu telah mengubah landskap media di negara ini dalam beberapa tahun mutakhir. Penembusan Internet yang tinggi dan akses digital yang mudah mendorong organisasi media beralih pada format digital iaitu portal dan aplikasi berita dan tidak kurang media sosial.



MEDIA sosial menjadikan seseorang cenderung memperuntukkan masa yang banyak untuk hal yang tidak penting. - Gambar hiasan

Perubahan itu tidak dapat ditahan dan semula jadi sifatnya. Masyarakat lebih condong mendapatkan maklumat dan berita melalui laman portal yang boleh diakses pada masa sebenar (*real time*). Hal itu tentunya satu pengalaman yang dinamik kepada masyarakat.

Bagaimanapun rempuhan digital tidak sahaja mengalih platform maklumat tradisional seperti surat khabar pada digital. Masa yang sama membuka laluan pada media sosial yang ternyata lebih interaktif. Pada era media itulah yang lahirnya istilah baharu iaitu berita palsu.

Sebenarnya yang lebih tepat bukan 'berita' kerana sebaran tidak menepati ciri, disiplin dan etika berita. Tetapi sebaran itu diterima sebagai maklumat, pada hal yang sebenarnya tidak lebih butir-butir sebang kosong di warung kopi sahaja.

Tahap kebolehppercayaan sebaran itu amat rendah kerana tujuan asalnya media sosial adalah mengait semua dalam kalangan masyarakat dalam satu jaringan sosial. Bagaimanapun disebabkan sifatnya yang interaktif dan boleh akses video, media sosial mencipta arus besar yang membentuk ikutan pada isu-isu yang sohor kini.

Bagaimanapun kecenderungan itu bukan suatu yang baik, malah menimbulkan kebimbangan rendahnya kualiti bahan sebaran yang diterima oleh masyarakat pengguna media sosial. Kalau dulunya masyarakat mengikuti perkembangan semasa melalui media utama, kini cenderung ikut berada dalam pusaran arus besar isu-isu picisan.

Pada era digital, media sosial telah memainkan peranan yang penting dalam membentuk landskap maklumat dan perbincangan awam. Malah maklumat yang sebahagian besarnya berkualiti rendah itu disambut dan menjadi topik perbincangan yang serius.

Sebelum media sosial merebak, maklumat utama melalui media seperti surat khabar. Bagaimanapun ketika media sosial begitu mendominasi, tumpuan diberikan pada isu remeh atau picisan. Hal itu membuatkan masyarakat terlepas membincangkan isu-isu yang lebih penting dan mempunyai kaitan dengan kehidupan mereka.

CETUS FENOMENA

DAHULU, surat khabar merupakan saluran maklumat utama yang memberikan liputan mendalam mengenai berbagai-bagai isu semasa seperti ekonomi, politik, alam sekitar dan lain-lain. Pembaca dapat mengakses maklumat dengan teliti dan menganalisis secara mendalam.

Bagaimanapun pada era media sosial, pendekatan itu berubah dengan drastiknya. Kini, sebahagian besar dalam kalangan masyarakat mendapatkan maklumat berbentuk hujah-hujah ringkas yang dicurigai ketepatannya. Sementara gambar, video atau tulisan - tulisan pendek sering kali pula dipengaruhi oleh kepentingan tertentu.

Akibatnya, yang dikatakan maklumat itu mencetus keraguan dan membingungkan. Salah satu akibat buruk penyebaran maklumat tidak berkualiti di media sosial adalah mencuri tumpuan masyarakat yang sepatutnya diberikan pada isu-isu yang memerlukan perhatian mendesak.

Kegawatan ekonomi yang mungkin sedang berlaku, perubahan iklim yang memberi kesan kepada alam sekitar dan isu-isu sosial yang memerlukan cakna daripada masyarakat sering kali terlepas daripada perhatian. Sedangkan semua isu itu memberikan kesan yang langsung kepada masyarakat.

Media sosial ternyata amat mempengaruhi cara masyarakat memahami dan menilai sesuatu maklumat. Sebahagian besar daripada kandungan atau hantaran itu sebenarnya adalah arus besar (*mob mentality*) yang sudah tersedia daripada fenomena media sosial.

Hal yang demikian membuatkan masyarakat terperangkap dalam ruang maklumat yang sedia ada, tanpa diberi pendedahan daripada sudut yang berbeza untuk membawa pemahaman yang lebih luas. Malah lebih cenderung menghalang proses pemikiran yang kritis dan pendirian yang mapan.

Disebabkan hal itu, masyarakat mesti disedarkan bahawa tumpuan yang berlebihan pada isu-isu yang tidak berfaedah tetapi sensasi adalah mengambil ruang berfikir

pada hal-hal yang lebih penting.

Itulah yang dikatakan sebagai sisi gelap zaman maklumat (*information age*) yang ditandai dengan kebergantungan melulu dan melampau pada teknologi digital dalam cara berkomunikasi, bekerja dan berinteraksi sesama sendiri.

Media utama seperti surat khabar, portal berita atau saluran televisyen menyampaikan maklumat yang telah dipastikan ketepatannya. Sekalipun begitu arus besar media sosial menjadikan ketepatan dan kewibawaan maklumat tidak diraikan lagi.

Masyarakat yang maju dan berpengetahuan mesti bijak membezakan antara media sosial dan media utama, salah satu ciri yang jelas adalah ketepatan dan kewibawaan. Media utama berpaksikan ketepatan sedangkan media sosial hanya menyebarkan tanpa ada tanggungjawab terhadap sesuatu yang disebar.


Sebagai satu paksi gaya hidup, media sosial menjadikan masyarakat lebih cenderung memperuntukkan masa yang banyak untuk hal-hal yang tidak penting. Sikap itu secara tanpa sedar telah mengabaikan banyak isu yang mempunyai kaitan dengan kehidupan dan menuntut perhatian.

Fenomena sedemikian menyebabkan masyarakat hilang keupayaan untuk menganalisis dengan kritis, sebaliknya hanya menerima dari satu sudut pandang yang luaran, tanpa berfikir tentang sesuatu dengan mendalam.

Hal itu kerana kemerosotan kualiti maklumat boleh menjejaskan kemampuan membuat keputusan dengan tepat dan berfaedah terhadap sesuatu perkara. Kesimpulannya bukan sahaja surat khabar yang terancam dengan pengaruh media sosial, tetapi juga portal berita di platform digital.

RAGAM KOTA

MATOMATO



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Te: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com



Bil 283 . 11-17 OKTOBER 2024

150
140
130
120
110
100
90
80
70
60
50
40
30
20
10
0

Satu dalam Sejuta

►►10-11

TUBUH KERDIL JIWA BESAR

SABRINA SABRE & DIANA AMIR

BERBICARA tentang individu kerdil atau *dwarfism*, pasti kita membayangkan mereka yang bertubuh badan kecil dengan ketinggian kurang daripada 142 sentimeter (sm) yang tidak ubah seperti kanak-kanak biarpun hakikatnya sudah menginjak dewasa.

Jika dalam bidang perubatan, kerdil merupakan salah satu daripada 8,000 penyakit jarang jumpa (PJJ) yang dihadapi oleh populasi kecil di dunia. Golongan ini mengalami gangguan pertumbuhan tulang dan dicirikan oleh ukuran badan yang tidak seimbang dan terbantut.

Biarpun kekurangan dari segi fizikal namun tahap kecerdasan golongan ini tidak terjejas. Malah, mereka juga rata-ratanya berjiwa besar dan memiliki impian tinggi untuk berjaya seperti golongan normal yang lain. Di negara ini misalnya, kita dapat menyaksikan ramai individu kerdil yang berjaya menempa nama dalam bidang yang diceburi.

Misalnya dalam bidang sukan, jaguh angkat berat para



JASMIE

negara, Bonnie Bunyau Gustin menjadi bukti tiada halangan untuk meraih kejayaan. Atlet berketinggian 132sm ini mencipta kejayaan dengan membawa nama Malaysia ke persada dunia.

Dalam Sukan Paralimpik Paris 2024 lalu Bonnie yang merupakan Juara dunia 2023 kategori 72 kilogram (kg) berjaya memecahkan rekod dunia miliknya sendiri (231kg) di Tokyo dengan angkatan baru 232kg sekali gus mencatatkan rekod temasya yang baru.

Selain Bonnie, sekitar tahun 1950-an, dunia hiburan tanah air diserikan dengan kehadiran pelakon yang tidak asing lagi iaitu Allahyarham Ibrahim Hassan atau lebih dikenali sebagai Ibrahim Pendek. Biarpun memiliki kekurangan dari segi fizikal namun beliau berjaya meletakkan diri sebaris seniman filem Melayu terkenal era itu.

Malah beliau juga menjadi pelakon Melayu pertama berlakon dalam filem keluaran Hollywood bersama Rock Hudson dan Gene

Rowlands dalam filem *The Spiral Road* pada tahun 1962.

Jelas di sini menunjukkan golongan kerdil ini tidak menjadikan kekurangan diri sebagai benteng untuk menempea kejayaan luar biasa. Namun di sebalik itu, kita sebagai insan yang normal perlu memainkan peranan penting untuk membantu mereka ke hadapan bukan menyisihkan golongan istimewa yang disifatkan satu dalam sejuta ini.

Hebatnya golongan ini biarpun kekurangan dari segi fizikal namun mereka ini tetap berusaha untuk meneruskan kehidupan dengan kudrat seterusnya bersaing dengan individu normal lain untuk mendapatkan pekerjaan.


Di negara ini, Pertubuhan Kebangsaan Orang Kerdil Malaysia (PKOKM) merekodkan seramai 1,200 orang kerdil yang mendaftar di bawahnya sudah mendapat kerja.

PKOKM merupakan badan bukan kerajaan (NGO) yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) dan diluluskan di bawah Akta 1963 pada 28 Mei 1984.

Menurut Presidennya, **Jasmie Shafie** berbanding 20 tahun lalu, keadaan kini banyak yang berubah dan golongan orang kurang upaya (OKU) kerdil juga turut ditempatkan dalam sektor awam mahupun swasta malah ada yang menjawat jawatan besar dalam industri.

“Asas penubuhan PKOKM bertujuan untuk membantu kumpulan sasar OKU kerdil dengan memberi latihan mengikut bidang-bidang yang diminati di samping mengenal pasti jumlah masyarakat kerdil di Malaysia.

“Keahlian yang ditawarkan



BONNIE


terdiri daripada golongan orang kerdil berwarganegara Malaysia yang mana ketinggiannya tidak lebih 142sm bagi lelaki dan 138sm bagi wanita yang telah disahkan oleh pegawai perubatan hospital kerajaan.

“Masyarakat kerdil adalah sebahagian daripada golongan OKU. Mereka perlu dibimbing bagi

menghakis perasaan malu dan rendah diri supaya dapat berdikari dan secara tidak langsung bersaing dalam bidang yang diminati,” ujar beliau.

Tambah Jasmie, pertubuhan ini berperanan sebagai perantara kepada masyarakat kerdil yang berdaftar, membantu mencari peluang pekerjaan selain menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan mengikut kemampuan pertubuhan.

“Kami sedar ada dalam kalangan OKU kerdil ini kadang-kadang buntu untuk mencari pekerjaan di tempat mereka. Sehubungan itu, saya meminta mereka yang mempunyai kekurangan ini, jangan malu dan tampilkan diri,” ujarinya yang juga merupakan individu kerdil.



ANTARA adegan filem yang dilakoni oleh Ibrahim Pendek.

“Dengari rintihan kami”

KEMUDAHAN untuk golongan orang kurang upaya (OKU) di negara ini dilihat masih belum mencukupi dan perlu diperbaiki untuk mencapai standard yang ditetapkan.

Bagi Presiden Pertubuhan Kebangsaan Orang Kerdil Malaysia (PKOKM), **Jasmie Shafie** yang juga penghidap pseudoachondroplasia iaitu gangguan pertumbuhan tulang atau kerdil sejak dilahirkan menjelaskan masalah utama yang dihadapi mereka pada ketika ini adalah kemudahan untuk golongan OKU masih lemah.

“Saya lihat di negara ini masih kurang kesedaran malahan keadaan sekeliling juga tidak cukup membantu dalam menyediakan kemudahan buat golongan OKU.

Saya beri contoh, untuk kami yang OKU kerdil ini ia agak sukar apabila tidak ada kenderaan yang sesuai serta laluan khas kenderaan yang dapat kami gunakan.

“Sehubungan itu, ada yang terpaksa menolak peluang pekerjaan yang diberikan kerana jauh dari rumah. Mereka menolak pekerjaan tersebut kerana memikirkan isu bagaimana nak bergerak untuk pergi dan balik kerja.

“Bukan semua boleh dapat lesen kenderaan khas, kalau ada lesen sekalipun tiada kereta bersesuaian untuk kami pandu. Kalau naik kenderaan awam, bukan semua tempat ada kesalinghubungan,” ujarinya.

Jasmie yang berasal dari Perlis

juga berharap agar kerajaan mengambil berat tentang isu tersebut kerana beliau tidak mahu masa depan golongan OKU kerdil terbatasi hanya disebabkan perkara tersebut.

“Kita lihat sahaja negara maju seperti di Eropah, mereka mempunyai fasiliti untuk OKU yang sesuai seperti pengangkutan, laluan khas, kemudahan-kemudahan lain malah mempunyai laluan khas untuk kenderaan OKU.

“Mungkin ada yang akan mencadangkan untuk menggunakan kenderaan awam, teksi dan *e-hailing* tetapi bukan semua mampu. Dengan keadaan kami, nak membeli dan memandu kenderaan pun agak mustahil juga,” ujarinya.



Mengulas lanjut, Jasmie berkata kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan bagi OKU kerdil bukanlah isu yang baru dibangkitkan.

“Kesedaran mengenai keperluan untuk OKU berdikari dan bekerja itu ada tetapi ia tidak dilakukan secara menyeluruh. Hal ini kerana golongan kerdil seperti kami memerlukan ruang dan infrastruktur

yang sesuai dengan ketinggian kami.

“Saya tidak nafikan peluang pekerjaan itu banyak dan ada OKU kerdil yang mendapat ruang namun bukan semua orang bernasib baik dan ada dalam kalangan orang kerdil ini masih bergelut mencari dan memilih pekerjaan yang sesuai,” ujar beliau.

Kekurangan bakar semangat



Zaharudin berjaya menamatkan pengajian ijazah kelas pertama Sarjana Muda Teknologi Maklumat.

Pemuda berusia 25 tahun itu menyifatkan saiznya yang lebih kecil berbanding rakan-rakannya menjadi pembakar semangat untuk dirinya mencipta kejayaan dalam akademik.

“Saya melihat ilmu jurusan ini boleh membuka jalan kepada saya untuk memasuki ke alam pekerjaan yang kini banyak melibatkan teknologi tinggi,” ujarnya pada Istiadat Konvokesyen ke-99 Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Shah Alam baru-baru ini.

Dia mengakui pernah dipersendakan dan sudah ‘lali’

dengan pandangan masyarakat sekeliling namun boleh dikatakan semasa di UiTM ramai rakan, pensyarah dan pentadbir membantu memudahkan urusan pembelajaran.

“Saya anggap perkara itu biasa saja dan tidak pernah mengganggu fokus untuk sentiasa memperbaiki diri sendiri. Kita perlu bersikap matang untuk menghadapi situasi ini.

“Bahkan ibu bapa saya sentiasa memberikan sokongan yang kuat supaya terus sambung pengajian seperti orang biasa ke peringkat lebih tinggi,” ujarnya.

Anak kedua daripada lima adik beradik itu merupakan graduan UiTM Cawangan Perlis yang memperoleh purata nilai gred kumulatif (PNGK) 3.55 sekali gus membolehkan beliau menamatkan pengajian dengan ijazah kelas pertama.



Dalam masa sama, Aiman memberitahu bahawa kini dia terlibat dalam Work Placement Programme (WPP) Maybank sebagai *protege* sejak bulan Februari tahun ini.

Lebih menarik, program tersebut

turut melibatkan golongan istimewa seperti disleksia dan autisme.

“Saya berharap agar pihak kerajaan dapat membuka lebih banyak peluang pekerjaan untuk golongan istimewa seperti kami,” ujarnya.

TINGGINYA mungkin hanya 105 sentimeter dan dengan ketinggian begitu, pastinya itu bukanlah ketinggian normal seperti mana insan lain. Namun **Aiman Harith**

Rai keunikan individu

TANGGAL 25 Oktober setiap tahun, komuniti orang kerdil akan menyambut Hari Orang Kerdil Antarabangsa Sedunia yang bertujuan meningkatkan kesedaran tentang achondroplasia, satu gangguan pertumbuhan tulang yang menyebabkan kerdil.

Berkongsi keterlibatan dalam meraikan golongan tersebut, Pengasas Pertubuhan Jiwa Amal Malaysia (JIWA), **Syed Zainal Abidin Jamallulail Syed Abdul Azizi** berkata beliau sentiasa berpegang kepada prinsip setiap individu tanpa mengira kecacatan fizikal mempunyai nilai dan potensi unik tersendiri yang boleh diraikan.

Mengambil inisiatif untuk merapatkan jurang, golongan orang kurang upaya (OKU) bersama komuniti setempat, maka wujudlah Projek Tiny World yang diadakan pertama kali pada 2019.

“Projek tersebut bertujuan untuk memperkenalkan golongan kerdil kepada masyarakat umum bagi meningkatkan pemahaman tentang cabaran yang mereka hadapi. Program ini melibatkan sesi perkongsian serta aktiviti bersama iaitu menanam pokok di dalam balang kaca yang dipanggil terarium. Ia adalah satu simbolik menunjukkan dunia kecil. Projek ini melibatkan 30 orang kerdil bersama dengan 20 orang komuniti.

“Pada tahun lalu, JIWA telah mengadakan kerjasama bersama SBM Offshore menyantuni 50 orang kerdil daripada Pertubuhan Orang Kerdil Kebangsaan (PKOKM).

“Konsep yang diketengahkan pada penganjuran lalu adalah bantuan makanan yang disusun agar kelihatan seperti pasar tani di mana penerima manfaat perlu mengambil bakul yang disediakan

dan kemudiannya mengambil sendiri barangan makanan segar dan kering masuk ke dalam bakul,” ujarnya.

Mengulas lanjut, Syed Zainal berkata pihaknya memilih untuk meraikan golongan kerdil ini adalah kerana ingin membantu mencabar stigma dan diskriminasi yang sering dihadapi dan mempromosikan penerimaan dan inklusi.

“Kami juga berharap program yang diadakan dapat membantu meningkatkan kualiti hidup golongan kerdil dengan menyediakan platform untuk mereka berkongsi pengalaman, mempamerkan bakat dan menjalin hubungan dengan masyarakat umum,” ujarnya.

Tambahnya lagi, golongan kerdil ini perlu berhadapan dengan cabaran namun ruang dan peluang juga harus diberikan kerana mereka masih mampu berjaya seperti manusia lain.

“Berdasarkan pengalaman kami dalam menyantuni mereka, benar cabaran itu wujud kerana kondisi bagi setiap orang kerdil adalah berbeza.

“Jika berbual dengan mereka, antara fasiliti yang mereka harapkan adalah semasa bekerja. Mereka mampu bekerja sama seperti kita namun memerlukan meja dan kerusi yang boleh diubah ketinggian. Keperluan-keperluan yang boleh dicapai sesuai dengan ketinggian mereka adalah penting bagi mengurangkan risiko jatuh,” katanya.

Dalam pada itu, Syed Zainal berharap menerusi program yang dianjurkan dapat mengubah persepsi masyarakat terhadap golongan kerdil dan menciptakan masyarakat yang lebih inklusif dan menerima.



SYED ZAINAL





Profesional berdepan tugas mencabar

AMIN FARIJ HASAN
Foto: UNIT FOTO DBKL

PERANAN Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebagai pihak berkuasa tempatan yang menjaga imej ibu negara di mata dunia sangat mencabar. Pelbagai masalah harus diselesaikan dengan begitu teliti agar semua pihak terutamanya warga kota hidup dalam aman serta harmoni.

Menyingkap sejarah, Jabatan Penguatkuasa DBKL ditubuhkan pada tahun 1969 di mana ketika itu ia dianggotai seorang pegawai inspektor dan lapan orang anggota sahaja. Kemudian pada tahun 1970 seramai 48 orang bekas anggota polis dan tentera telah dilantik menjadi penguat kuasa ibu kota dan seiring dengan pengisytiharan Kuala Lumpur sebagai bandar raya pada tahun 1974, pasukan ini telah diisytiharkan sebagai Pasukan Penguatkuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan kini dikenali sebagai Jabatan Keselamatan dan Penguatkuasaan di dalam direktorat DBKL.

Anggota penguat kuasa memainkan peranan yang penting

dalam menyelesaikan setiap konflik dari sekecil-kecil perkara sehinggalah permasalahan besar memandangkan merekalah yang paling hampir dengan masyarakat.

Tahap kesabaran yang tinggi diperlukan dalam menghadapi pelbagai kerenah masyarakat yang adakalanya tidak berpuas hati apabila dikenakan tindakan kerana melanggar undang-undang dan sebagainya. Di sinilah penguat kuasa perlu menunjukkan komitmen secara profesional dengan mengutamakan pendekatan berbudi bahasa kerana mereka merupakan barisan hadapan DBKL.

Sebagai menghargai peranan anggota penguat kuasa, pada tarikh 3 Oktober 2024 yang lalu Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri TPr Dr Maimunah Mohd Sharif hadir bagi melengkapkan Sambutan Hari Penguatkuasa ke-55 dengan melakukan istiadat pemeriksaan perbarisan dan menyampaikan anugerah pingat kepada anggota yang berkhidmat dengan cemerlang. 





SENTUHAN 'LUAR BIASA' NEGARA GAJAH PUTIH

DIANA AMIR
Foto: SYUQREE DAIN

MASAKAN dari negara Thailand terutamanya tomyam merupakan antara hidangan yang digemari ramai, rasanya yang pedas, masam manis menjadikan ia antara juadah yang wajib pesan setiap kali singgah menjamu selera.

Di negara ini, restoran yang menyajikan makanan dari negara Gajah Putih itu mudah didapati namun tidak semuanya mampu menawarkan rasa yang seimbang dan autentik. Dengan menggunakan bahan tempatan seperti ketumbar, serai, bawang putih, sos ikan dan daun limau purut bersama pes asli yang diimport dari Thailand menjadikan hidangan di Restoran Medina Thai Tom Yam secukup rasa dan sesuai dinikmati bersama keluarga dan rakan-rakan.

Menurut pemiliknya, **Muhammad Subandi Mohd Yusof**, tomyam pok thek dan makanan laut bakar merupakan antara menu pilihan pelanggan yang datang ke kedainya sejak tahun 2015.

"Tomyam pok thek kita istimewa dan lain daripada biasa kerana menggunakan bahan-bahan premium untuk memastikan rasa yang lazat. Di dalamnya kita ada satu per tiga bahagian ikan siakap, ketam, udang, sotong, udang galah, lala dan kupang selain sayur-sayuran yang pasti memuaskan hati pelanggan.

"Bahan-bahan yang digunakan adalah segar dan kita hanya mengambil masa kira-kira 15 minit untuk penyediaan sebelum boleh

dihidangkan kepada pelanggan," katanya kepada Wilayahku.

Mengulas lanjut, Muhammad Subandi berkata menu lain yang menjadi pilihan pelanggan adalah makanan laut bakar.

"Uniknya makanan laut bakar ini adalah ia dihidangkan bersama kuah di atas pemanggang yang dibakar panas atau dipanggil *hot plate*.

"Pengunjung boleh menikmati ketam, udang galah, sotong, lala, kupang, sayur brokoli serta salad dengan pes istimewa kami yang dicampur susu cair bagi menambahkan lagi aroma dan rasa uniknya," ujarnya.

Tambahnya lagi bagi menjamin keaslian rasa masakan, pihaknya menggunakan khidmat tiga orang tukang masak yang dibawa khas dari daerah Pattani, Yala dan Narathiwat, Thailand.

"Untuk setiap menu yang diperkenalkan kita akan lalui proses penyelidikan dan pembangunan (R&D) terlebih dahulu dan perbincangan akan dilakukan bersama tukang masak dan beberapa pekerja terlibat.

"Kesemua tukang masak ini telah bersama-sama kita sejak awal pembukaan kedai pada tahun 2015," ujarnya.

Muhammad Subandi berkata kedainya juga sering dikunjungi beberapa nama besar dari golongan diraja serta pelbagai lapisan masyarakat.

Tambahnya, harga yang



ditawarkan sangat berbaloi bermula RM30 untuk dua menu yang menjadi pilihan ramai.

Berkongsi perancangannya untuk masa akan datang, Muhammad Subandi berkata pihaknya akan memperkenalkan beberapa lagi menu baharu dalam memenuhi permintaan pelanggan.

"Sekarang kita dalam proses untuk memperkenalkan menu baharu tetapi perlu melalui R&D terlebih dahulu. Ada menu berasaskan makanan laut dan juga barat. Kita janjikan untuk buat yang terbaik. Kalau ada yang tak sedap boleh bagitahu kami untuk kami perbaiki. Warga Putrajaya dan sekitar dijemput untuk datang ke kedai kami dan merasai sendiri masakan dari negara Gajah Putih," katanya. 🍲



Alamat: Jalan P8G1, Presint 8, 62250 Putrajaya
Cawangan: Blok 5-01 Apartment Larai, Presint 6, 62200 Putrajaya
Masa: 7 pagi hingga 12 tengah malam (Isnin hingga Jumaat)
7 hingga 2 pagi (Sabtu dan Ahad)

JAUHI CERITA BERLEBIHAN

AZLAN ZAMBRY

DALAM dunia yang saling berkaitan hari ini, kuasa penceritaan adalah sangat besar kerana ia membentuk persepsi dan mempengaruhi pendapat merentas pelbagai budaya.

Meskipun begitu, fiksiyen membesar-besarkan atau menyalahgambarkan fakta yang bertentangan secara tidak sengaja boleh menyebabkan kemudaratan yang ketara lebih-lebih lagi apabila cerita yang disampaikan menyentuh subjek sensitif seperti agama.

Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan, **Jamali Adnan** berkata masyarakat awam secara asasnya menerima apa sahaja yang disampaikan oleh para pendakwah terutamanya di pentas masjid dan surau sebagai satu kefahaman benar yang perlu diyakini oleh mereka.

“Penyebaran cerita-cerita palsu atau berlebihan biasanya mempunyai unsur-unsur yang boleh menarik minat para pendengar. Hal ini boleh diumpamakan seperti masakan yang mempunyai pelbagai perasa tambahan, pastinya masakan itu akan menjadi lebih sedap berbanding rasa asal masakan tersebut.

“Begitu jugalah dalam sesebuah penceritaan, sekiranya dikekalkan versi cerita yang asal, pastinya banyak aspek tidak disentuh dalam riwayat yang sahih. Namun setelah dilakukan padanya penambahan, maka kisah tersebut menjadi menarik untuk didengar dan disampaikan kepada orang lain,” katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Jamali turut menjelaskan bahawa dalam sudut dakwah Islam, penyebaran cerita atau kisah yang kurang tepat akan menyebabkan kekeliruan dan salah faham terhadap ajaran Islam.

“Selain itu, kemajuan teknologi maklumat pada hari ini yang menyebabkan penyebaran cerita-cerita yang tidak tepat lebih meluas akan menyebabkan salah faham dalam kalangan golongan yang bukan beragama Islam.

“Orang yang bukan beragama Islam sudah pastinya tidak memiliki asas kefahaman agama yang kuat, yang akan mengakibatkan mereka memandang serong kepada ajaran Islam apabila mendengar cerita-cerita yang berlebihan,” katanya.

Berbicara lanjut, Jamali berkata misalnya seperti kisah seorang yang banyak beristighfar sehingga dia dapat berjumpa dengan Imam Ahmad (rujuk: <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-al-hadith/4444-irsyad-al-hadith-siri-ke-498-riwayat-imam-ahmad-berjumpa-dengan-penjual-roti>).

“Hakikatnya banyak lagi ayat Al-Quran dan hadis yang menunjukkan kelebihan beristighfar tanpa perlu membawakan kepada kisah-kisah yang tidak dapat dipastikan kesahihannya.

“Selain itu, antara kisah yang sering diceritakan berkaitan Nabi Ibrahim dengan enggan berdoa (rujuk: <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-al-hadith/4381-irsyad-al-hadith-siri-ke-489-nabi-ibrahim-as-tidak-mahu-berdoa-ketika-dicampakkan-ke-dalam-api>).

“Kisah ini akan menimbulkan salah faham seolah-olah tidak ada keperluan untuk berdoa kepada Allah SWT, sedangkan berdoa kepada Allah SWT merupakan antara amalan yang sangat dituntut,” katanya lagi.

Tegas beliau, kisah-kisah yang berlebihan



CERITA berlebihan mengenai seseorang akan membawa kepada unsur fitnah dan menyebabkan seseorang itu akan dipandang serong. - Gambar hiasan

juga akan menyebabkan masyarakat Islam kurang fokus terhadap isu yang lebih penting.

“Antara kisah-kisah yang suka diperbesarkan ialah kisah-kisah yang berkait dengan karamah para wali Allah. Tanpa menafikan kewujudan karamah, hakikatnya apa yang lebih utama ialah kewajipan menuntut ilmu seperti fardu ain, akidah, akhlak, hadis dan seumpamanya (rujuk: <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-al-hadith/5505-irsyad-al-hadith-siri-ke-574-benarkah-kisah-imam-ahmad-al-rifa-i-bersalaman-dengan-nabi-saw>).

“Selain itu, apa yang lebih bahaya lagi ialah sekiranya kisah-kisah seperti ini disandarkan kepada Rasulullah SAW, kerana pendustaan ke atas nama Baginda lebih dahsyat dan besar dosanya, misalnya seperti kisah yang kononnya Rasulullah SAW menghabiskan sebekas buah anggur (rujuk: <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-al-hadith/1085-irsyad-al-hadith-siri-ke-124-kisah-nabi-dan-sebekas-anggur>),” katanya.

Justeru itu katanya, umat Islam sewajarnya menjadi seorang yang kritis dalam mendengar apa sahaja maklumat yang disampaikan, iaitu dengan tidak menerima sesuatu perkara secara bulat-bulat, terutamanya apabila mesej tersebut disampaikan oleh orang yang tidak dikenali mengenai latar belakang identitinya.

“Masyarakat awam juga boleh mengambil pendekatan untuk merujuk semula sesuatu kisah atau cerita yang didengarinya kepada ilmuwan yang lain bagi memastikan kesahihan sesuatu kisah yang didengarinya.

“Masyarakat awam juga perlu

menanamkan prinsip untuk tidak mudah menerima apa sahaja yang didengarinya, sebelum memeriksa perkara tersebut bagi memastikan ia benar-benar sahih. Saidina Abu Hurairah RA ada meriwayatkan sebuah hadis bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Cukuplah seseorang itu dianggap berdusta apabila dia menceritakan apa sahaja yang dia dengar”. - Riwayat Muslim,” katanya.

PENDAKWAH BERTAULIAH

BELIAU berkata bagi memastikan para pendakwah sentiasa mematuhi etika dan prinsip dalam menyampaikan dakwah mereka, undang-undang yang terpakai di Malaysia telah pun menetapkan bahawa hanya mereka yang mempunyai tauliah sahaja yang dibenarkan untuk menyampaikan pengajaran agama.

“Di Wilayah Persekutuan misalnya, Seksyen 96, Akta Pentadbiran Undang-undang Agama Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] memperuntukkan bahawa Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) mempunyai kuasa dalam melantik Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama, untuk memberikan tauliah bagi maksud mengajar mengenai apa-apa aspek agama Islam dan untuk menarik balik tauliah sedemikian.

“Kegagalan seseorang untuk memperoleh tauliah sebelum menyampaikan apa-apa ceramah agama ini boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Seksyen 11, Akta Kesalahan Jenayah Syariah 1997 [Akta 559], yang memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang mengajar atau mengaku mengajar apa-apa perkara yang berhubungan dengan agama Islam tanpa

tauliah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya,” katanya.

Ujarnya, Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan melalui Unit Istibat juga turut mengadakan Kelas Tafaquh secara berkala sebagai satu bentuk pemantapan kepada para pemegang tauliah ceramah di Wilayah Persekutuan.

“Inisiatif-inisiatif sebegini sudah pasti dapat memantapkan lagi para pendakwah dan seterusnya mengekang daripada penyebaran cerita-cerita palsu di meja penceramah,” katanya.

Dalam pada itu, Jamali berkata cerita-cerita yang berlebihan mengenai seseorang akan membawa kepada unsur fitnah dan menyebabkan seseorang itu akan dipandang serong oleh masyarakat sedangkan perkara yang sebenarnya bukanlah begitu.

“Begitu juga seseorang yang ingin menceritakan mengenai musuhnyanya, dengan menambah-nambah dalam penceritaan tersebut dia berjaya untuk menampakkan seolah-olah musuhnyanya itu benar-benar jahat.

“Selain itu, ada juga seseorang yang bercerita mengenai seseorang yang disukainya, dengan menambah-nambahkan cerita mengenai orang tersebut pastinya akan nampak seolah-olah dia merupakan manusia yang paling mulia di muka bumi ini,” katanya.

Tambahnya, jika masalah ini tidak dibendung, dikhuatiri perkara ini akan memberikan kesan terhadap umat Islam dan menimbulkan banyak salah faham dan kekeliruan terhadap kefahaman agama Islam.



JAMALI ADNAN



NOOR SHEENA (dua kiri) bersama Mohamad Sabu (kiri) dan pemenang cabutan bertuah anjuran MyCar pada MAHA 2024 baru-baru ini.

JAGA KEBAJIKAN PEMANDU RAHSIA KEKAL RELEVAN

MENJAGA kebajikan pekerja merupakan antara rahsia syarikat *e-hailing*, MyCar kekal bertahan biarpun berdepan dengan cabaran untuk bersaing dengan syarikat gergasi lain yang ada di negara ini.

Sejak mengambil alih syarikat tersebut pada tahun 2022, Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Datuk Noor Sheena Maideen** berkata pelbagai cabaran perlu dihadapi memandangkan MyCar satu-satunya syarikat tempatan.

"Terlalu banyak syarikat *e-hailing* luar yang masuk ke dalam negara untuk kaut keuntungan. Saya terpaksa bersaing untuk terus kekal relevan.

"Untuk itu, saya cuba sedaya upaya untuk menjaga kebajikan pemandu kerana rata-ratanya terdiri daripada golongan berpendapatan rendah (B40). Mereka bekerja kais

pagi makan pagi, kais petang makan petang.

"Sebagai majikan, perlu ambil tahu daripada pelbagai segi, sudah tentu saya ingin buat yang terbaik. Kerjasama antara satu sama lain juga amat penting, syarikat tidak boleh mementingkan diri sendiri dengan mengerah tenaga mereka sesuka hati," ujar beliau.

Noor Sheena juga sangat bersyukur MyCar semakin diterima ramai selepas syarikat itu membuka pendaftaran di aplikasi PlayStore.

"Semakin hari semakin ramai datang untuk menjadi pemandu MyCar sekali gus



menyertai syarikat ini berikutan kadar caj komisen yang dikenakan adalah sangat rendah iaitu 13 peratus," ujarnya yang ditemui pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) baru-baru ini.

Tambahnya setakat ini MyCar sudah mempunyai 50,000 pemandu di seluruh negara.

Berkongsi lanjut, Noor Sheena berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu kerana memilih

MyCar menjadi kenderaan *e-hailing* rasmi untuk Program MAHA 2024.

"Pameran MAHA adalah satu program besar yang diadakan dua tahun sekali. Saya sangat bangga dan berterima kasih kepada Perdana Menteri dan Mohamad Sabu kerana memilih MyCar sebagai kenderaan *e-hailing* rasmi untuk MAHA 2024.

"Ini merupakan kali ketiga kita menyertai Program MAHA, sebanyak 50 kenderaan MyCar telah ditampal pelekat iklan promosi MAHA 2024 dan kali ini kita menampilkan kelainan dengan menyediakan cabutan bertuah kepada pengguna MyCar.

"Hadiah yang disediakan merupakan sebuah motosikal Honda 125 kepada pengguna MyCar selain 100 balang air minuman percuma setiap hari dan 800,000 kipas percuma kepada para pengunjung," katanya. **17**



PAPADOM kini boleh didapati di Book Capital Mall, Kota Buku.

Boleh juga tebus baucar DELIMA untuk **PAPADOM**.





harga

RM19.90

+



ZULKIFLI SULONG

BELANJAWAN 2025 PENUH HARAPAN



BELANJAWAN 2025 di Dewan Rakyat pada 18 Oktober ini sangat istimewa kerana ia dibentangkan ketika ekonomi negara sedang mencanak naik. - Gambar hiasan

MENTERI Kewangan yang juga Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan membentangkan Belanjawan 2025 pada 18 Oktober ini di Dewan Rakyat.

Belanjawan 2025 ini sangat istimewa kerana ia dibentangkan ketika ekonomi negara sedang mencanak naik antaranya nilai ringgit, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK atau GDP), nilai pasaran saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) bahkan juga kadar inflasi.

Kesemua angka daripada alat pengukuran ekonomi di atas menunjukkan kenaikan atau kebaikan yang ketara.

Terbaharu, Malaysia disenarai sebagai negara berpendapatan pertengahan atas (*upper middle income group*) dalam kalangan ekonomi dunia.

World Intellectual Property Organisation (WIPO) atau Organisasi Harta Intelek Sedunia menyenaraikan Malaysia sebagai negara kedua dalam kumpulan pendapatan pertengahan atas.

Penyenaraian ini dibuat dalam senarai negara paling inovatif pada tahun 2024. Malaysia disenaraikan bersama China dan Turkiye dalam kumpulan itu ketika Switzerland, Sweden dan Amerika Syarikat disenaraikan sebagai negara berpendapatan tinggi.

India dan Vietnam pula disenaraikan sebagai negara yang berada dalam pendapatan pertengahan rendah (*lower middle income*) dalam senarai lapan negara paling inovatif untuk tahun 2024. Senarai ini adalah berdasarkan Indeks WIPO 2024.

Dengan suasana yang penuh citra positif inilah Belanjawan 2025 akan dibentangkan pada Jumaat 18 Oktober ini.

Ekoran itu, sudah pastilah besar

harapan yang diberikan oleh rakyat negara ini terhadap belanjawan kali ini.

Bagi 1.6 juta penjawat awam, sudah tentulah fokus mereka akan tertumpu kepada Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang akan diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sistem saraan baharu ini bertujuan untuk memperkasakan perkhidmatan awam, menampilkan komitmen kerajaan dalam memastikan penjawat awam mendapat pelarasan gaji secara berperingkat. Fasa pertama pelarasan ini akan bermula pada 1 Disember diikuti fasa kedua pada 1 Januari 2026.

Di samping itu, pelbagai pihak lain membuat permohonan kepada kerajaan untuk dimasukkan dalam belanjawan kali ini.

Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) memohon kerajaan agar memperluaskan pelepasan

cukai untuk insurans perubatan dan kesihatan dalam Belanjawan 2025 ini.

Pelepasan cukai itu sewajarnya merangkumi premium insurans perubatan dengan pelan pembayaran bersama dalam pelepasan cukai RM8,000 sedia ada untuk perbelanjaan perubatan meliputi diri, pasangan dan anak-anak.

"Selain itu, kerajaan perlu meningkatkan gabungan pelepasan cukai untuk insurans pendidikan, perubatan serta kesihatan daripada RM3,000 kepada RM6,000," kata Ketua Pegawai Eksekutif LIAM, Mark O'Dell.

Kerajaan juga diminta menangani isu keselamatan siber dalam belanjawan kali ini berikutan kerugian kira-kira RM1.3 bilion pada 2023 akibat kes penipuan dalam talian.

Profesor Kuliyah Teknologi Maklumat dan Komunikasi Universiti

Islam Antarabangsa (UIA), Datuk Dr Mohamad Fauzan Nordin berkata kerajaan perlu melaburkan sekurang-kurangnya RM100 juta untuk memastikan keselamatan siber Malaysia lebih kukuh.

Pemimpin industri media di Sabah juga berharap Belanjawan 2025 memberikan tumpuan untuk menambah baik industri mereka.

Ketua Pengarang Utusan Borneo Sabah, Datuk Lichong Angkui berkata pengamal dan industri media di negeri itu perlu diberi galakan berupa insentif dan subsidi memandangkan prasarana telekomunikasinya masih ketinggalan berbanding di Semenanjung disebabkan keadaan geografi dan topografinya.

Majlis Paralimpik Malaysia pula berharap kerajaan mempertimbangkan pemberian dana RM10 juta kepada majlis itu menerusi Belanjawan 2025 bagi menyediakan program akar umbi untuk mereka.

Pendek kata, semua pihak mempunyai harapan masing-masing kepada belanjawan kali ini.

Perdana Menteri pula telah memberikan beberapa petunjuk tentang apa yang akan beliau bentangkan dalam belanjawan.

Dalam wawancara beliau dengan CNBC, Anwar berkata Kerajaan MADANI akan memberi tumpuan kepada usaha untuk meningkatkan pendapatan atau gaji pekerja dan menguruskan isu inflasi dalam Belanjawan 2025 ini.

Beliau berkata walaupun harga barangan seperti minyak masak, petrol dan tepung lebih murah di Malaysia berbanding negara serantau, masih terdapat keperluan untuk memberi tumpuan kepada menaikkan tahap pendapatan.

"Tahap pendapatan tidak naik (walaupun) produktiviti atau pelaburan meningkat. Kami perlu memberi tumpuan kepada isu ini. Inilah yang saya laksanakan dalam perkhidmatan awam. Kami menaikkan gaji penjawat awam, yang tidak diberi perhatian sejak 12 tahun lalu.

"Kita perlu menjaga pekerja kita. Kemudian, kita boleh menggunakan dorongan moral terhadap konglomerat sektor swasta. (Sebagai contoh), jika anda mencatatkan keuntungan antara RM1 bilion dan RM4 bilion, anda tidak boleh (mewajarkan) membayar pekerja anda dengan cara sedemikian.

"Saya rasa perlu ada tekanan untuk menaikkan tahap pendapatan kerana walaupun terdapat kebimbangan mengenai harga, ia adalah kerana gaji yang rendah," kata beliau.

TULISAN ini sekadar pandangan penulis yang juga mempunyai harapan besar terhadap Belanjawan kali ini.

Jangan halang laluan



Penguat kuasa dihargai

KAWAN-KAWAN Kedai Kopi ucap tahniah kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang bertindak tegas menghapuskan halangan di laluan pejalan kaki yang menyukarkan orang ramai menggunakan laluan berkenaan.

Baru-baru ini tindakan dilakukan dengan menyerbu beberapa restoran dan gerai tidak berlesen di kawasan Parlimen Bukit Bintang, dengan menyasarkan kepada menghapus halangan di laluan pejalan kaki.

Melalui operasi tersebut, penguat kuasa menyita kanopi, warung, meja dan kerusi yang diletak di laluan pejalan kaki. Operasi bertumpu di kawasan Chow Kit, Jalan Lebuhr Pasar, Jalan Dewan Sultan

Sulaiman, Jalan Sultan Azlan Shah dan Jalan Ipoh. Kompaun turut dikenakan kepada peniaga tidak berlesen.

Kawan-kawan Kedai Kopi sakit mata melihat banyak laluan pejalan kaki dihalang dengan pelbagai objek. Para peniaga haram tanpa rasa bersalah meletakkan halangan untuk memudahkan mereka berniaga.

Laluan pejalan kaki jelas maksud dan tujuannya. Ia adalah laluan atau lorong yang dikhaskan untuk kegunaan pejalan kaki.

Lantai laluan juga dilengkapi seni reka tertentu seperti tanda untuk memudahkan pergerakan orang kurang upaya (OKU) cacat penglihatan.

PENGUAT kuasa berperanan penting dalam struktur organisasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Mereka adalah tulang belakang menguatkuasakan undang-undang bagi memastikan Kuala Lumpur kekal sebagai bandar raya bertaraf dunia, bersih, selamat dan harmoni untuk didiami.

Dalam menjalankan tugas, mereka berhadapan dengan pelbagai cabaran yang memerlukan kesabaran dan kebijaksanaan. Maklum pelbagai gelagat manusia yang melanggar peraturan dan undang-undang terpaksa dihadapi.

Kerana itu kawan-kawan Kedai Kopi setuju khidmat bakti mereka dihargai, kaedah kerja ditambah baik. Langkah baharu bakal diambil oleh DBKL ialah memperkenalkan sistem penggiliran atau syif kerja, dijangka bermula Disember ini.

Untuk itu DBKL menyediakan elaun syif

RM400 bagi gred 19 hingga 40 dan RM300 bagi gred 1 hingga 16. Tahun lalu, DBKL telah pun menaikkan kadar elaun anggota lain-lain pangkat Jabatan Penguatkuasaan sebanyak RM400 hingga RM120 sebulan.

Dengan pelaksanaan sistem syif, penempatan dan tugas kakitangan penguat kuasa di lapangan akan berdasar penggiliran. Ketika ini mereka bertugas menurut waktu pejabat. Jika ada apa-apa keperluan di lapangan selepas waktu pejabat perlu bekerja lebih masa.

Sistem penggiliran membolehkan bayaran kerja lebih masa dikurangkan. Anggota penguat kuasa pula mempunyai lebih banyak masa bersama keluarga. Seperti disebut oleh Datuk Bandar, Datuk Seri TPr Dr Maimunah Mohd Sharif, kenaikan elaun diharap mampu meningkatkan motivasi kakitangan.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menghadiri Majlis Pembukaan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-44 dan Ke-45 bersama delegasi Malaysia di Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao (Laos) pada Rabu.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa mengunjungi ibu pejabat Alibaba ketika lawatan rasminya ke China.



MENTERI Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir merasmikan Persidangan Kebangsaan Pengurusan Pendidikan ke-62, Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (MPSM) yang bertemakan 'Pendidikan Manusiawi Memacu Pendidikan Negara MADANI'.



MENTERI Digital, Gobind Singh Deo menghadiri acara 'Australia Southeast Asia Business Exchange (SEABX) 2024: Malaysia Chapter' anjuran Australian Trade and Investment Commission (Austrade).



MENTERI Perdagangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani menghadiri dan menyampaikan ucap tahniah di Forum Minyak Sawit Malaysia Kuala Lumpur 2024.



MENTERI Pendidikan, Fadhlina Sidek menerima kunjungan hormat daripada Wakil United Nations Population Fund (UNFPA) ke Malaysia, Dr Julitta Onabanjo.

Wilayah Persekutuan cerminan kehebatan Malaysia

KEPENGERUSIAN ASEAN 2025

TAHUN 2025 bakal menyaksikan giliran Malaysia mempengerusikan ASEAN. Kepengerusian ini tiba pada waktu yang amat tepat, di kala Datuk Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia dianggap sebagai tokoh dari rantau ini yang bukan kaleng-kaleng reputasinya. Sejak menerajui Malaysia, kepimpinan beliau dan pasukan MADANI melalui dokongan rakyat jelata telah membuktikan negara bertuah ini mampu bangkit mendunia di persada antarabangsa. Seluruh rakyat Malaysia telah berjaya digembleng bersama untuk bergerak sebagai suatu pasukan yang membolehkan peningkatan dalam bidang ekonomi, perdagangan, perbankan, teknologi, kesihatan, pendidikan, sosial, budaya dan keselamatan dapat dicapai dengan kadar yang amat pantas.

Kerajaan MADANI ini yang telah membuktikan melalui pengukuhan tatakelola dalam menjaga amanah negara pasti membawa bersama keberkatan dengan pencapaian-pencapaian yang memberangsangkan demi negara. Mana mungkin semua ini dapat dicapai sendirian oleh kerajaan, melainkan rakyat Malaysia sendiri yang turut bersama menjayakan agenda mempertingkatkan martabat, harakat dan darjat Malaysia untuk menjadi sebuah negara yang terbaik di dunia. Melalui perpaduan yang kembali erat, permusuhan dan pertikaian yang semakin terpadam, telah muncul keyakinan baharu yang membentuk kesepakatan merentas perbezaan agama, kaum dan kecenderungan politik di bawah kerangka Malaysia MADANI. Dokongan rakyat semakin kuat untuk menjayakan agenda besar menjadikan Malaysia negara terbaik di dunia. Hasutan-hasutan sumbang untuk memecah-belah perpaduan semakin tidak mendapat tempat dan ditolak oleh rakyat yang cintakan keharmonian negara. Formula perpaduan inilah yang membolehkan Malaysia kembali di landasan yang betul dalam menuju sebuah negara yang hebat dan disegani.

Justeru, apabila tiba giliran Malaysia mempengerusikan ASEAN pada tahun 2025, ia ibarat suatu hadiah istimewa kepada seluruh rakyat Malaysia. Ia hadir tepat pada waktunya. Keyakinan yang semakin menjulang terhadap kemampuan negara untuk menerajui rantau ini seiring dengan ekonomi Malaysia



yang semakin mengukuh, di kala ringgit menjadi mata wang terbaik dunia, inflasi pada tahap yang amat terkawal, produktiviti terus meningkat, kadar pengangguran semakin menurun, kos sara hidup rakyat dapat ditangani dengan berkesan dan penjawat awam bakal menikmati kenaikan gaji serta skim perkhidmatan yang lebih baik.

Sudah pasti limpahan kemakmuran ini mula dirasakan oleh rakyat. Kemampuan berbelanja semakin baik. Peluang melancong ke destinasi pilihan dapat dipenuhi. Keinginan membeli-belah sedikit demi sedikit dapat dinikmati. Anak-anak muda graduan pusat pengajian tinggi dan pelatih-pelatih TVET telah mula memasuki pasaran kerja dengan menerima gaji yang lebih munasabah dan bermaruah.

Ibu bapa sudah pasti merasa lega anak-anak mereka tidak menunggu lama untuk memasuki alam pekerjaan selepas tamat pengajian.

Ini semua limpahan kemakmuran apabila sebagai suatu pasukan negara, seluruh rakyat Malaysia dengan penuh keyakinan dipercayai waktunya telah tiba untuk kita memimpin dunia.

Kemakmuran yang dicapai ini juga suatu maruah negara yang kembali dihargai dan didambakan sekian lama oleh setiap rakyat Malaysia di seluruh negara. Malaysia kembali gagah dan bersedia untuk mendunia.

Sudah pasti tumpuan akan banyak terarah di Wilayah Persekutuan apabila pelbagai program dan acara berkaitan kepengerusian ASEAN bakal diadakan. Justeru Wilayah Persekutuan bakal menyaksikan kehadiran sahabat-sahabat kita dari lain-lain negara ASEAN serta serata pelosok dunia ke Putrajaya, Kuala Lumpur dan Labuan.

Ini merupakan suatu penghormatan dan penghargaan apabila setiap warga Wilayah Persekutuan sendiri bakal menjadi duta kecil negara.

Justeru warga Wilayah Persekutuan akan menjadi cerminan kepada pelawat asing akan betapa Malaysia ini suatu negara yang hebat dilimpahi kemakmuran ekonomi, kehebatan sejarah, kecerdasan pemikiran, kebersihan segenap aspek, tatakelakuan yang sopan serta yang paling utama, perpaduan merentas kepelbagaian agama, etnik

dan budaya yang menjadi kekuatan negara. Wilayah Persekutuan adalah cerminan tamadun Malaysia yang sejahtera.

Imej Malaysia bakal terletak di bahu Wilayah Persekutuan yang bakal menjadi tumpuan dalam acara-acara antarabangsa. Justeru baik dari sisi jentera kerajaan, komuniti warga Wilayah Persekutuan, para peniaga dan usahawan serta setiap individu yang menghuni Putrajaya, Kuala Lumpur dan Labuan, tanggungjawab mulia ini harus digalas bersama.

Sudah pasti apabila warga Wilayah Persekutuan mampu menggalas tanggungjawab ini, saudara-saudara kita di negeri-negeri lain juga akan turut bersama merasakan mereka mampu menjadi tuan rumah yang lebih baik dalam menyambut kebanjiran tetamu luar kelak. Inilah contoh dan teladan yang mampu digembleng demi menjayakan agenda Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN di tahun 2025.

Hebatnya Malaysia ini dicerminkan terlebih dahulu akan hebatnya Wilayah Persekutuan sebagai lambang sebuah Persekutuan Malaysia yang

bernaung di bawahnya negeri-negeri yang bersepatut untuk hidup bersama. Bersekatu Bertambah mutu, moto yang terpahat di Jata Negara dizahirkan dengan kepelbagaian warga Wilayah Persekutuan yang seiring bersama beriltizam menjayakan perpaduan yang dicetuskan dari generasi terdahulu, dihayati kini dan sudah pasti untuk diwarisi generasi akan datang. Wilayah Persekutuan adalah simbol kehebatan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat, aman dan sejahtera.

Masanya telah tiba kepada seluruh rakyat Malaysia untuk kita terus melangkah jauh memimpin rantau Asia Tenggara dan seterusnya memimpin dunia. Ayuh kita jadikan agenda Malaysia selaku Pengerusi ASEAN pada tahun 2025 sebagai suatu peluang dan sumbangan kita mempertingkatkan martabat negara di persada dunia. Moga Malaysia terus makmur dan maju serta dilimpahi keberkatan Yang Maha Esa.

PENULIS Khairil Hilmi Mokhtar merupakan Penganalisis Keselamatan Geo-Strategik. Pejabat Perdana Menteri.




SERTAI SALURAN TELEGRAM

t.me/wilayahku

UNTUK INFORMASI TERKINI!

IMBAS KOD QR





ARTIKEL menarik berkenaan Labuan disiarkan dalam majalah rasmi Malaysia Airlines, Going Places.

Tarik pelancong seluruh dunia

PROMOSI MUZIUM DALAM MAJALAH

KHAIRUL IDIN

JABATAN Muzium Malaysia (JMM) Labuan mengambil inisiatif mempromosikan produk pelancongan Labuan dalam majalah rasmi Malaysia Airlines, Going Places sebagai usaha menarik pelancong dalam dan luar negara ke pulau itu.

Menurut Pengarahnya, **Muhammad Azam Adnan**, usaha yang dilaksanakan itu mendapat kerjasama penulis majalah tersebut yang mahu membantu pihaknya mempromosikan produk pelancongan di Labuan.

Katanya, inisiatif serta usaha tersebut dilaksanakan berdasarkan kekayaan produk pelancongan di Labuan yang berpotensi mampu menarik pelancong luar ke pulau itu.

"Usaha untuk mempromosikan Muzium Labuan dan tempat menarik dalam majalah tersebut telah saya laksanakan sejak tahun lalu.

"Ini merupakan antara peranan

pihak Muzium Labuan untuk membantu memacu semula sektor pelancongan dan ekonomi serta menarik kehadiran pelancongan ke pulau ini," katanya kepada Wilayahku.

Tambah beliau, majalah tersebut boleh didapati di semua penerbangan Malaysia Airlines, MASwings dan Firefly sekali gus ia turut membuka ruang promosi kepada pengunjung dalam dan luar negara.

"Secara tidak langsung mereka yang membaca majalah tersebut akan mengetahui kelebihan produk pelancongan yang ada di Labuan," katanya.

Antara produk pelancongan yang dipromosikan adalah ketiga-tiga muzium di Labuan, lokasi riadah menarik dan bersejarah seperti Labuan Chimney Trail, Surrender Point, Pulau Rusukan Besar dan

beberapa restoran makanan laut.

Sementara itu, Pengarah Tourism Sabah dan Labuan, Haryanty Abu Bakar menyokong penuh usaha yang dilaksanakan oleh Jabatan Muzium Labuan untuk memacu ekonomi pulau bebas cukai itu.

"Usaha yang baik ini sudah tentunya akan memberikan impak yang tinggi dalam menggalakkan pelancong domestik mahupun antarabangsa ke Labuan. Ia turut meningkatkan hasil ekonomi pengusaha-pengusaha pelancongan termasuklah peniaga kecil dan sederhana.

"Kita berharap usaha ini akan diteruskan agar pelancong luar dapat mengetahui keunikan dan kebudayaan yang ada di Labuan," katanya. 



AZAM

KPDN jamin bekalan gula mencukupi

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Labuan mengesahkan bekalan gula di pulau ini dalam situasi terkawal.

Pengarahnya, **Junaidah Arbain** berkata berdasarkan pemeriksaan dan kemudahan di kedua-dua stok penyimpanan sedia pemborong dan peruncit adalah mencukupi untuk memenuhi permintaan semasa.

Bagaimanapun pihaknya tidak menolak cabaran yang ada untuk memenuhi permintaan tinggi daripada orang ramai mahupun para peniaga.

"Berdasarkan rekod pemeriksaan yang dilaksanakan baru-baru ini, kita mendapati stok penyimpanan peniaga mempunyai 612 kilogram (kg) gula pasir kasar dan 112kg gula premium.

"Pemborong pula mempunyai 4,380kg gula pasir manakala gula premium sebanyak 1,440kg," katanya dalam satu kenyataan.

Tambah Junaidah, pihaknya memberi jaminan bahawa bekalan gula yang dibawa dari Tanah Besar Sabah akan sampai mengikut jadual yang telah ditetapkan.

"Berdasarkan tinjauan dan pemeriksaan, Labuan memerlukan hampir 120 tan gula bagi tempoh sebulan yang boleh menampung permintaan sekitar



ANGGOTA KPDN Labuan mengadakan pemeriksaan dan pemantauan stok bekalan gula.

100,000 orang.

"Untuk bekalan ini, kita mempunyai pembekal dari Sabah dan salah satunya ialah Sazarice Sabah manakala penghantaran akan mengikut jadual untuk memastikan bekalan gula berterusan kepada pengguna dan para peniaga," katanya.

Mengulas lanjut, Junaidah turut memberikan jaminan

bahawa pihaknya sentiasa melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan secara berterusan untuk memastikan isu bekalan dapat ditangani.

Justeru itu, KPDN sentiasa memberi penekanan kepada orang ramai agar tidak membuat sebarang pembelian panik kerana stok bekalan gula dalam keadaan terkawal. 

MAIWP komited salur RM33 juta kepada asnaf

SEJUMLAH RM33 juta peruntukan telah berjaya disalurkan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Labuan kepada golongan asnaf di pulau ini sepanjang tempoh Januari hingga September tahun ini.

Menurut Pengerusi MAIWP, **Syed Kamarulzaman Syed Kabeer**, peruntukan tersebut disalurkan kepada golongan asnaf menerusi pelbagai bantuan sedia ada.

Katanya bantuan yang membabitkan 5,600 penerima berdaftar disalurkan menerusi 38 skim bantuan antaranya bulanan, persekolahan, perubatan dan sebagainya.

"MAIWP amat komited melaksanakan amanah dan tanggungjawab untuk memastikan semua golongan asnaf di Labuan ini mendapat sokongan yang diperlukan termasuklah bantuan kewangan dan keperluan asas," katanya kepada pemberita pada Program Kembara Kasih MADANI MAIWP baru-baru ini.

Pada program tersebut sebanyak 30 buah motosikal berkuasa tinggi dan 15 buah kenderaan dari pelbagai agensi kerajaan mengadakan kembara di empat lokasi persinggahan bermula di Dataran Labuan, Sekolah Kebangsaan Patau-Patau, Kampung Kilan Pulau Akar

dan Kampung Ganggarak.

MAIWP turut menyerahkan sumbangan wang tunai dengan cek bernilai RM49,800 di empat lokasi.

Selain itu, RM854,800 telah disalurkan menerusi Bantuan Keusahawanan Asnaf dengan kerjasama INSKEN 2024.

Di Kampung Kilan, MAIWP menyerahkan sebanyak RM30,000 kepada asnaf manakala Taman Damai Layang-Layangan menerima bantuan minyak pelincir untuk 130 penerima kenderaan *e-hailing*.

Penyerahan terakhir melibatkan RM30,000 kepada 100 asnaf di Balai Raya Kampung Ganggarak.

Mengulas lanjut, beliau berkata sebagai usaha untuk membantu memperkasa kesejahteraan asnaf di pulau ini, pihaknya telah memperuntukkan sejumlah RM88 juta bagi tahun 2024.

"Jumlah peruntukan yang cukup besar ini mencerminkan kesungguhan MAIWP di Labuan dalam membantu mereka yang kurang bernasib baik untuk meneruskan kehidupan seharian.

"Ini dibuktikan sehingga 30 September 2024. MAIWP Labuan telah mengagihkan bantuan sebanyak RM65.3 juta kepada asnaf," katanya. 

Hari Rekreasi Putrajaya 2024

AKTIVITI DALAM AIR

SABRINA SABRE

HARI Rekreasi Putrajaya 2024 (HRP2024) kembali membuka tirainya dengan pelbagai pengisian dan aktiviti menarik menanti pengunjung pada 12 Oktober ini.

Menurut Juruukur Bahagian Kawalan Perancangan dan Pembangunan Jabatan Perancangan Bandar Perbadanan Putrajaya (PPJ), **Suzana Abd Samad**, program tersebut dilaksanakan bagi menjenamakan Putrajaya sebagai bandar rekreasi selain menggalakkan gaya hidup aktif, meningkatkan kesihatan, mempromosikan keindahan serta kepelbagaian rekreasi di pusat pentadbiran negara itu.

"Acara tahunan kegemaran ramai ini akan bermula pada pukul 7 pagi hingga 7 petang dan kita juga masih mengekalkan lokasi yang sama iaitu di Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya. Acara kali ini turut menyokong kepada penganjuran Hari Sukan Negara yang akan berlangsung pada tarikh sama di Putrajaya.

"Setiap tahun, kami cuba pelbagai komponen utama aktiviti rekreasi yang ingin ditonjolkan. Untuk tahun ini, tema rekreasi air telah dipilih dengan menonjolkan kepelbagaian aktiviti rekreasi air yang boleh dilaksanakan di Putrajaya.

"Selain menampilkan kelainan kali ini, tema rekreasi air dipilih secara dasarnya adalah bagi memanfaatkan keindahan dan kemudahan tasik yang terdapat di Putrajaya.



AKTIVITI berkelah antara pengisian program pada tahun lalu.

"Hari Rekreasi turut disambut di beberapa negara luar sebagai galakan kepada rakyat mereka untuk keluar dan menikmati aktiviti rekreasi di kawasan awam. Antara negara yang menyambut Hari Rekreasi adalah Tasmania-Australia, Virginia - US dan South Africa.

"Mengambil inspirasi tersebut, acara anjuran PPJ ini adalah merupakan galakan terhadap gaya hidup *work life balance*, meningkatkan kesihatan fizikal dan mental serta mempromosikan

keindahan dan kepelbagaian rekreasi di Putrajaya," ujar beliau.

Lebih menarik, Fadlun berkata PPJ untuk pertama kalinya akan mengadakan aktiviti rekreasi air di Tasik Putrajaya yang dijenamakan sebagai Jom! Apung Diri.

"Ia merupakan aktiviti berbentuk keyakinan dalam air (*water confident*) yang boleh disertai oleh rakyat berumur 10 tahun ke atas. Ia bukanlah suatu aktiviti yang dibenarkan tanpa kawalan keselamatan yang ketat.

"Sebelum ini, aktiviti berendam

tidak dibenarkan atas faktor keselamatan dan pemeliharaan ekosistem tasik.

"Selain itu, pertandingan renang terbuka di Tasik Putrajaya yang dijenamakan sebagai *Swimathon* turut dibuka kepada perenang profesional.

"Sebanyak empat kategori dipertandingkan dengan hadiah wang tunai lumayan iaitu Junior 500 meter (m), 1.5 (kilometer) km, 3km dan 6km," ujarnya.

Pengunjung juga boleh menyertai aktiviti sampingan menarik seperti *Inflatable Water Theme Park*, aktiviti perang air, sukan kenangan seperti perah air dalam botol dan tangkap anak ikan.

"Untuk aktiviti rekreasi air pula, mereka boleh menyertai *SUP Sprint 100* dan *SUP Board Gathering*.

"Bagi menggalakkan pengusaha kecil dan usahawan muda tempatan memanfaatkan platform HRP2024, kami berkolaborasi bersama Pasar Seloka dengan membuka sebanyak 40 lot niaga," ujarnya.

Fadlun berharap penganjuran ini secara tidak langsung dapat memperkenalkan Putrajaya sebagai bandar mesra rekreasi yang dilengkapi infrastruktur sukan dan rekreasi bertaraf antarabangsa.

"Kami berharap HRP2024 dapat menjadi acara tahunan yang akan disambut di peringkat kebangsaan selain menjadikan Putrajaya sebagai penanda aras terutamanya terhadap penekanan kepada keindahan landskap bandar dan banyak lagi," katanya.

Pemandu teksi terima sumbangan

SERAMAI 74 orang pemandu teksi yang berdaftar dengan Koperasi Pengangkutan Putrajaya dan Cyberjaya Berhad menerima sumbangan wang tunai dan kotak makanan berjumlah RM18,500 menerusi Yayasan Waqaf Malaysia (YWM).

Menurut YWM, sumbangan itu sebagai usaha membantu meringankan beban mereka selain menghargai sumbangan kepada kemudahan pengangkutan awam.

"Usaha ini bertepatan dengan salah satu daripada enam nilai teras Malaysia MADANI," ujarnya.

Bersandarkan kepada Fokus 3, Teras Strategik 2, Pelan Transformasi Al-Falah iaitu Kemampanan Ekonomi dan Kebajikan Sosial Islam, YWM sebagai agensi di bawah JPM (Hal Ehwal Agama) telah bergerak aktif di lapangan muamalah.

Terdahulu, Program Santuni Komuniti Madani Bersama Pemandu Teksi / Kereta Sewa disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Setia Dr Mohd Na'im Mokhtar.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif YWM, Dr Ridzwan Bakar dan Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud.

Murabbi terpilih kongsi ilmu Islam

MULTAQA Murabbi Institusi Pendidikan Islam (IPI) Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menghimpunkan dan menyantuni kira-kira 1,000 orang murabbi dalam kalangan pentadbir premis, guru sekolah agama, tahfiz, pondok dan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) dari seluruh negara.

Ketua Pengarah JAKIM, **Datuk Dr Sirajuddin Suhaimee** berkata program tersebut merupakan medan cetusan kebijaksanaan baharu (*new wisdom*) yang relevan menerusi peranan dan tanggungjawab sebagai pemimpin institusi pendidikan untuk mendepani cabaran pada masa kini.

"Selain itu, multaqa tersebut turut menjadi medan perkongsian ilmu pengetahuan dan kerjasama untuk memberikan impak kepada peningkatan kompetensi seterusnya menerajui IPI ke arah kecemerlangan.

"Antara pengisian yang diadakan dalam program tersebut termasuklah pembentangan tiga kertas kerja oleh Dekan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan



SEKITAR Program Multaqa Murabbi IPI Peringkat Kebangsaan Tahun 2024.

Malaysia (UKM), Profesor Dr Mohd Mahzan Awang; Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Ustaz Ahmad Fauwaz Fadzil dan Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pendidikan JAKIM, Dr Sa'adi Awang.

"Dalam majlis yang sama, turut

diadakan acara penyampaian cek curia Peruntukan Khas Kerajaan Persekutuan Selenggara dan Naik Taraf IPI sebagai tanda keprihatinan Kerajaan Persekutuan kepada IPI dan para murabbi," ujar beliau.

Sirajuddin berkata Kerajaan

Persekutuan melalui Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) telah memperuntukkan jumlah yang besar kepada IPI untuk meningkatkan kemudahan dan prasarana premis IPI yang sedia ada selain memberikan keselesaan

kepada warga IPI untuk meneruskan sesi pengajaran dan pembelajaran.

"Sementara itu, penganjuran program ini bertujuan untuk menjelaskan isu semasa yang melibatkan pengurusan pendidikan serta memperkasakan hubungan kerjasama strategik antara JAKIM dengan pihak berkuasa agama negeri yang terlibat dalam pengurusan IPI.

"Impak daripada pelaksanaan Multaqa Murabbi IPI Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 diharapkan dapat menambah baik tadbir urus, mendukung akauntabiliti dan ketelusan dalam berperanan sebagai penggerak utama dalam pembangunan pendidikan Islam supaya penyampaian perkhidmatan para murabbi lebih cekap, diyakini dan dipercayai oleh rakyat Malaysia," ujarnya.

Terdahulu, perasmian multaqa tersebut disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Setia Dr Mohd Na'im Mokhtar di Auditorium Kompleks Pusat Islam, JAKIM pada Sabtu.

Buru slot Jelajah Dunia Akhir 2024

ZII JIA TEKAD TAMPIL AKSI HEBAT

SABRINA SABRE

PEMAIN perseorangan profesional lelaki negara, **Lee Zii Jia** bertekad menampilkan aksi cemerlang dalam kejohanan di Eropah bagi memastikan kedudukannya kekal selamat untuk melayakkan diri ke Kejohanan Badminton Jelajah Dunia Akhir 2024 di Hangzhou, China Disember ini.

Menurut pemenang pingat gangsa Sukan Olimpik Paris 2024 itu, dia akan sentiasa menjaga kecergasan fizikalnya bagi memastikan dirinya mampu mencapai matlamat tersebut.

"Saya akan bertanding di semua kejohanan di Eropah sebab kalau tengok ranking sekarang, untuk World Tour Final itu berada dalam kedudukan keenam dan selagi kondisi saya okey, boleh bersaing di pertandingan, saya akan main.

"Sudah tentu saya berharap dapat mengulangi apa yang saya lakukan tahun lepas di Finland dan Denmark. Bukan hanya untuk pencapaian dan keputusan saya, tetapi juga untuk mata ranking, jadi

saya perlu kekalkan," ujarnya selepas Majlis Penyampaian Insentif Sukan Olimpik Paris 2024 di Majlis Sukan Negara (MSN).

Pada aksi kejohanan di Eropah tahun lepas, pemain berusia 26 tahun itu muncul juara Terbuka Artik 2023 selain naib juara Terbuka Denmark 2023.

Terbuka Artik 2024 akan berlangsung di Vantaa, Finland dari 8 hingga 13 Oktober selain Terbuka Denmark 2024 yang bakal diadakan di Odense dari 15 hingga 20 Oktober.

Hanya lapan terbaik bagi kesemua kategori (perseorangan dan beregu) layak ke Jelajah Dunia Akhir 2024 dengan setiap negara dibenarkan menghantar dua wakil maksimum.

Ditanya sama ada pengurusan Team LZJ akan melakukan rombakan selepas Sukan Olimpik Paris 2024 baru-baru ini, dia berkata perkara berkenaan belum dibincangkan secara terperinci, namun memberi jaminan akan berkongsi sebarang perkembangan jika perkara itu



LEE ZII JIA (tiga kiri) ketika Majlis Penyerahan Insentif 100Plus di MSN Bukit Jalil.

berlaku.

Sementara itu, beregu lelaki utama negara, Aaron Chia-Soh Wooi Yik berkata selepas berehat panjang susulan berakhirnya Sukan Olimpik Paris 2024 pada Ogos lepas, mereka kini sedang merangka strategi untuk meraih kemenangan di Terbuka Denmark 2024 bagi memulihkan

keyakinan diri.

"Sudah tentu kami mahu menang untuk mengembalikan keyakinan dan cara permainan terbaik dari Olimpik, jadi kita lihat bagaimana keadaannya di Finland dan Denmark," kata Wooi Yik.

Aaron-Wooi Yik muncul juara Terbuka Denmark pada tahun lepas.

Pasangan ranking kelima dunia itu sebelum ini terpaksa menarik diri daripada Terbuka China 2024 di Changzhou pada 17 hingga 22 September selepas Wooi Yik belum pulih sepenuhnya daripada kecederaan retak tulang jari kaki semasa perlawanan separuh akhir Sukan Olimpik Paris 2024. 

Pendidikan anti-doping

AGENSI Anti-Doping Malaysia (ADAMAS) menyarankan setiap penganjur acara sukan mewajibkan setiap peserta melalui pendidikan anti-doping sebagai syarat menyertai kejohanan bina badan pada masa akan datang.

Menurut ADAMAS, langkah itu bagi memastikan semua peserta memahami dan sedar tentang gejala serta kesan doping terhadap kerjaya dan kesihatan masing-masing.

"Penganjur acara sukan juga perlu mendapatkan pengiktirafan daripada badan induk terlebih dahulu seperti Garis Panduan yang dikeluarkan Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PJS).

"Orang ramai boleh membuat semakan di laman sesawang <https://erosa.kbs.gov.my> bagi memastikan penganjuran kejohanan mendapat pengiktirafan dan kelulusan PJS," katanya dalam satu kenyataan.

Doping ialah penggunaan dadah atau ubat yang dilarang untuk meningkatkan prestasi atlet.

Dalam masa sama, ADAMAS memaklumkan telah menerima maklumat mengenai beberapa siri kejohanan bina badan anjuran pihak swasta berkaitan sukan dengan menyasarkan penyertaan dalam kalangan penggiat sukan bina badan, khususnya golongan belia.

ADAMAS mengingatkan mengenai Kod Anti-Doping Dunia 2021 bahawa setiap atlet tertakluk di bawah prinsip kebertanggungjawapan penuh (*strict liability*) ke atas kewujudan apa jua bahan terlarang di dalam sistem tubuh badan sama ada secara sengaja dengan niat menipu ataupun tidak sengaja.



ATLET bina badan disarankan wajib sertai pendidikan anti-doping sebagai syarat sertai kejohanan. - Gambar hiasan

"Pihak penganjur pula hendaklah memastikan sukan itu bersih daripada sebarang unsur penyalahgunaan bahan terlarang, menjamin ketelusan, keadilan serta integriti secara keseluruhannya selari dengan Kod Sukan Selamat yang diterbitkan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) pada 2023.

"Sukan bina badan antara acara sukan yang berpotensi tinggi meraih pingat di kejohanan antarabangsa namun ia juga merupakan sukan berisiko tinggi terlibat dalam penyalahgunaan

bahan terlarang khususnya *Androgenic Anabolic Steroid* (AAS).

"ADAMAS memandang serius dan bertanggungjawab memastikan hak atlet dipelihara di samping menjamin persekitaran sukan yang bersih dan selamat.

"Program Anti-Doping ADAMAS bertujuan meningkatkan kesedaran, pendidikan dan melindungi kesihatan atlet serta memastikan penganjuran sukan bina badan ini sentiasa mematuhi peraturan anti-doping yang sedang berkuat kuasa," ujarnya. 

Atlet pertama raih Piala Dunia Latin Solo

ATLET sukan tarian, Cherry Yeo Xiao Wei mencipta sejarah sebagai rakyat Malaysia pertama meraih Piala Dunia Latin Solo Persekutuan Sukan Tarian Dunia di Belgrade, Serbia baru-baru ini.

Persekutuan Dance Sport Malaysia (MYDF) memaklumkan atlet berusia 19 tahun itu mempamerkan bakat dan gerak tari luar biasa sekali gus membantunya mengungguli tempat teratas dalam kategori Latin Solo.

Wakil tunggal dari Malaysia itu mengatasi atlet Itali, Giorgia Santella yang membawa pulang pingat perak manakala Chan Hei Lam dari Hong Kong memperoleh gangsa.

"Kejayaan pasukan sukan tarian Malaysia tidak mungkin dicapai tanpa dedikasi dan bimbingan daripada jurulatih, Chua Zjen Fong dan Evon Chong daripada MY DanceSport Academy.

"Komitmen mereka dalam mengasah bakat atlet menjadi kunci bagi mencapai kejayaan cemerlang ini. Penghargaan juga kepada Kementerian Belia dan Sukan, MYDF serta Persatuan Dancesport Kuala Lumpur (KLDSA) atas sokongan diberikan," katanya dalam satu kenyataan.

Bulan lepas, Cherry merangkul gelaran Terbuka London 2024. 



CHERRY (dua kiri) harumkan nama Malaysia di Piala Dunia Latin Solo.

POPULAR ATAU PROFESIONAL?

GOLONGAN remaja tidak seharusnya memandang pempengaruh (influencer) sebagai cita-citanya yang perlu dikejar pada masa hadapan. Isu yang menjadi perbualan dalam kalangan ibu bapa ini menimbulkan pelbagai reaksi dan persepsi.

Dalam media sosial, ramai ibu bapa meluahkan rasa bimbang apabila mendapati anak-anak mereka lebih memilih untuk bergelar pempengaruh sekali gus menganggap pendidikan tinggi atau ilmu dalam bidang profesional tidak menjadi keutamaan.

Bagi merungkai persoalan tersebut, wartawan **DEEL ANJER** menemu bual barisan selebriti popular seperti Zed Zaidi, Shiha Zikir dan Ayu Damit.

Ada pasang surutnya

PENYANYI Ayu Damit melihat kerjaya sebagai pempengaruh mahupun artis ada pasang dan surut kerana itu dia sendiri tidak mengharap 100 peratus terhadap bidang tersebut. Disebabkan itu juga dia mula menceburi perniagaan dan menyambung pelajaran untuk kehidupan yang lebih baik.

"Kerjaya sebagai artis atau pempengaruh bergantung kepada cara kita melihat tahap kepentingannya di mana. Macam saya sendiri, memang kerjaya nyanyian menjadi keutamaan kerana dari situlah saya bermula.

"Namun secara peribadi, kerjaya seni ini ada pasang dan surutnya. Sukar untuk diramal sejauh mana kita boleh bergantung kepadanya sebagai sumber pendapatan. Ia tidak menentu.

"Saya beruntung mempunyai suami yang melihat situasi ini dan dia sentiasa memikirkan masa depan saya. Dari situlah, dia perlahan-lahan

mendidik saya untuk menjadi ahli perniagaan," ujarnya.

Tambah Ayu, dia kini sedang mengusahakan tanaman cili padi dan beberapa perniagaan sampingan yang lain memandangkan suaminya mempunyai ilmu dan pengalaman dalam bidang pertanian.

"Bukanlah menidakkan rezeki dalam bidang nyanyian tetapi ia tidak menentu. Mungkin orang lain 'lebat' rezekinya dalam bidang seni, saya pula rezeki lebih dalam perniagaan," ujarnya.

Demi masa depan, pelantun lagu Hanya Di Mercu ini juga mengambil keputusan untuk sambung pelajaran dalam Ijazah Sarjana Muda Asasi Seni Kreatif di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara).

"Saya melihat pentingnya untuk saya sambung belajar. Mungkin akan datang saya boleh menceburi bidang pekerjaan yang tetap seperti pensyarah atau mana-

mana yang sesuai. Nasihat saya kepada pendatang baharu, boleh jadi artis atau pempengaruh tapi perlulah ada back up plan," ujar Ayu. 



Generasi baru ubah persepsi

PRESIDEN Persatuan Seniman Malaysia (SENIMAN), **Zed Zaidi** menyeru anak-anak muda mengejar cita-cita dalam bidang profesional terlebih dahulu sebelum menjadi artis atau pempengaruh.

Bagi Zed yang pernah popular menerusi drama bersiri Sembilu, persepsi generasi baharu yang mengimpikan kerjaya sebagai pempengaruh perlu diubah agar tidak menumpukan perhatian kepada kerjaya itu semata-mata.

"Cita-cita atau impian itu tidak salah, malah kerjaya tersebut banyak kelebihannya. Cuma perlulah ada kerjaya profesional. Namun, saya sarankan tumpukanlah pelajaran atau pendidikan formal terlebih dahulu.

"Negara kita kekurangan tenaga profesional seperti doktor, guru, jurutera dan sebagainya jadi, menjadi tanggungjawab kita bersama memenuhi keperluan negara. Bukan untuk orang lain, tapi untuk kita bersama dan generasi akan datang," ujarnya.

Katanya jika anak-anak muda dari awal mahu bergelar pempengaruh tanpa mementingkan pendidikan di peringkat yang lebih tinggi, ia amat rugi kepada negara yang memerlukan tenaga-tenaga profesional.

Zed ditemui pada acara Konvensyen Anak Muda Wilayah Persekutuan 2.0 di Institut Dewan Bandaraya Kuala Lumpur baru-baru ini. 

Pelbagaikan kebolehan

SELEBRITI serba boleh, **Shiha Zikir** mempunyai perancangan yang besar demi masa depannya. Sepanjang hampir 15 tahun aktif dalam bidang seni, Shiha bukan sahaja aktif dalam nyanyian, lakonan dan pengacaraan malah pelbagai cabang perniagaan dilakukannya.

"Perjuangan sebagai anak seni tidak mudah. Saya lalui pahit manis, jatuh bangun namun saya tidak pernah mengalah dan meletakkan noktah dalam karier. Kadang-kadang saya nakkan sesuatu kejayaan, tapi belum lagi ada rezeki. Jadi, saya kena perbaiki keadaan dan buat lagi baik.

"Apa yang saya lalui ini bukanlah sesuatu yang sia-sia kerana banyak yang dipelajari sepanjang tempoh itu. Dalam hidup ini jangan sesekali putus asa kerana Allah SWT bersama hamba-hambaNya yang bersabar terutamanya dalam mencari rezeki," katanya.

Menyedari bidang seni ada pasang surutnya, Shiha dari dulu lagi aktif menceburi pelbagai jenis perniagaan antaranya produk kosmetik dan kini sibuk menguruskan dua cawangan restoran nasi ayamnya di Kampung Baru dan Shah Alam, Selangor.

Bukan itu sahaja, dia juga terlibat dalam penganjuran acara dan kerja-kerja belakang tabir di bawah syarikatnya, Shiha Zikir Empire Holdings.

"Ketika sedang mencipta nama dalam industri seni lagi saya dah aktif dalam bisnes. Sejajurnya bisnes adalah jiwa saya dan nama yang dibina sebagai artis adalah satu kelebihan.

"Bagi saya, anak seni boleh mempelbagaikan kebolehan mereka dalam mencari rezeki. Saya yakin setiap orang ada kelebihan dan potensi masing-masing. Macam saya memang suka nasi ayam, jadi saya gunakan minat agar seiring dengan kerjaya sebagai artis.

"Jangan takut untuk lakukan perubahan atau pembaharuan dalam hidup. Mungkin pada mulanya agak sukar, namun jika disusuli dengan kesabaran, Insya-Allah pasti membuahkan hasil," ujarnya lagi. 





Pelbagaikan
kebolehan
▶▶23

Atlet pertama
raih Piala Dunia
Latin Solo ▶▶22



Fahami hak dalam rumah tangga sebelum kahwin

HIDUP BERSIFAT KEBENDAAN

KEHIDUPAN berkeluarga menurut ajaran Islam adalah dibina atas dasar ketenangan (sakinah), kasih sayang (mawaddah) dan hormat-menghormati (rahmah). Ia sama sekali menolak cara hidup berkeluarga yang mengutamakan masalah bersifat kebendaan (maddiyyah) dan kepentingan peribadi (ithar).

Islam telah menetapkan hak-hak tertentu ke atas setiap individu dalam sebuah keluarga yang mana hak-hak tersebut bukan sahaja perlu ditunaikan sebagai satu tanggungjawab bahkan menjadi taklifan bersifat syarie yang akan dihisab di hari perhitungan.

Melaksanakan hak-hak tersebut adalah satu tanggungjawab sementara mengabaikan tuntutan itu dianggap pelanggaran terhadap hukum syarak. Sebab itulah, setiap pasangan dianjurkan supaya memahami dan menghayati hak-hak individu dalam rumah tangga sebelum memasuki gerbang perkahwinan bagi menjamin tertegaknya sebuah rumah tangga yang harmoni sesuai matlamatnya menurut syariat Islam.

Para fuqaha dengan kelayakan istinbat dalil-dalil Al-Quran dan Al-Hadith serta keupayaan ijtihad mereka dalam hukum-hakam telah mengambil tanggungjawab mengkaji serta menganalisis dalil-dalil berkait dengan hak-hak setiap individu dalam keluarga Islam. Mereka juga memaksima upaya akal mereka untuk berijtihad dalam kes-kes yang tidak dinaskan secara jelas dalam Al-Quran dan hadis.

Hasilnya, mereka mengabadikan hak-hak dan hukum-hakam keluarga Islam dalam karya mereka masing-masing yang dianggap sebagai ketetapan hukum fiqh dalam bab kekeluargaan Islam. Apabila berlakunya masalah rumah tangga berkaitan hak-hak dan hukum-hakam keluarga Islam, maka ketetapan hukum fiqh yang ditulis oleh para fuqaha akan menjadi rujukan untuk tujuan menyelesaikan masalah tersebut.

Walaupun bagaimanapun, timbul



HAYATI hak-hak individu bagi menjamin tertegaknya sebuah rumah tangga yang harmoni sesuai matlamat menurut syariat Islam.

masalah apabila ada pasangan yang mencampuradukkan antara tuntutan kehidupan berkeluarga dalam Islam yang sepatutnya dijadikan pegangan dalam melayari bahtera rumah tangga dengan ketetapan hukum fiqh yang diputuskan oleh para fuqaha. Campur aduk seperti ini adalah salah dari sudut syarak bahkan ia dikeji.

Ia membawa kesan yang negatif kepada sebuah keluarga Islam juga menjadi antara faktor terbesar kepada keruntuhan atau pembubaran sebuah ikatan rumah tangga. Ini dibuktikan dengan perakuan mereka yang terlibat dengan kes-kes keluarga Islam di mahkamah syariah khususnya peguam syarie, hakim dan kaunselor bahawa di antara punca kepada keretakan atau pembubaran sebuah rumah tangga Islam ialah mencampuradukkan antara kedua perkara tersebut.

Ketetapan hukum fiqh yang dibawa masuk dalam kehidupan keluarga Islam adalah seperti isteri meminta suami memberi nafkah dengan alasan beri nafkah itu hukumnya wajib, isteri meminta upah menyusukan anak dengan alasan suami wajib membayar upah isteri yang menyusukan, isteri enggan atau tidak melakukan kerja-kerja rumah dengan alasan

meminta suaminya memberikan nafkah atau upah menyusukan beralaskan hukum fiqh. Mereka juga mesti menumpahkan khidmat kepada suami dengan penuh ikhlas dan kasih sayang tanpa mengira hukumnya.

Begitu juga suami yang perlu menjaga hubungan baik dengan pasangannya tanpa menjadikan hukum fiqh sebagai alasan untuk dilayani oleh isteri atau untuk mengugut isteri supaya tidak keluar rumah atau melakukan sesuatu perkara yang tidak disukainya termasuk poligami dengan alasan

sunah Nabi SAW.

Ketetapan hukum fiqh berkait keluarga Islam yang ditulis dalam karya para fuqaha diguna pakai untuk meleraikan perbalahan dan menyuraikan permusuhan di mahkamah sahaja dan bukan untuk diamalkan dalam kehidupan berkeluarga, bahkan tidak boleh dibawa masuk ke dalam kehidupan berumah tangga sama sekali.

PENULIS Dr Mahyudin Daud merupakan Pensyarah Kanan, Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

